



Persatuan Wanita
Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-13

Tempat:
**BILIK HAWA DINGIN
KELAB KILAT
KUALA LUMPUR**

Tarikh:
SABTU 9 APRIL 1988

Masa:
2.00 PETANG

PERPUSTAKAAN ILSAS
LLN

NO. PANGGILAN:

TARIKH TERIMA: 16 FEB 1989

NO. PEROLEHAN: P0147



Kata-Kata Aluan

Saya mengucapkan setinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan perutusan dalam Laporan Tahunan bagi Mesyuarat Agung PELITAWANIS pada tahun ini.

Sebagai sebuah badan kebajikan kakitangan serta keluarga PELITAWANIS memainkan peranan yang penting dalam memupuk silaturrahim dan keharmonian di kalangan kakitangan dan pegawai LLN. Ia juga merupakan sebuah jentera yang dapat menggerakkan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat bagi ahli-ahli dan keluarga dalam bidang pendidikan, sosial dan rekreasi. Oleh itu ia seharusnya mendapat sokongan dari semua pihak termasuk majikan, pekerja dan keluarga.

Saya berasa bangga memerhatikan bahawa PELITAWANIS terus bergerak dengan aktif di seluruh stesyen LLN sama ada di kawasan bandar mahupun di tempat yang lebih terpencil. Kejayaan ini adalah hasil dari bimbingan kepimpinan yang dedikasi, penglibatan ahli yang gigih, dan bantuan serta sokongan dari pengurusan LLN.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat PELITAWANIS serta semua ahli-ahli PELITAWANIS sempena Mesyuarat Agung Tahunan yang ketiga belas (13) ini.

(PUAN SRI DATIN HAFSAH BINTI HAJI NASIR)
Penaung PELITAWANIS.



**KATA-KATA ALUAN DARI
YANG DIPERTUA PELITAWANIS**

Salam Sejahtera

Sekali lagi saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua ahli kita ke Mesyuarat Agung Tahunan ini.

Mesyuarat Agung Tahunan seperti ini merupakan pertemuan dan perkumpulan semua ahli-ahli dari segenap pelusuk tanah air. Perjumpaan ini tidak syak lagi boleh dijadikan satu landasan untuk memupuk semangat perpaduan sesama kita, menjalin kerjasama yang erat serta mengukuhkan tali perhubungan antara satu sama lain. Dengan adanya perhubungan yang rapat dapatlah kita memberi sumbangan yang lebih baik.


Dengan kesempatan ini, saya suka mengingatkan semua ahli-ahli supaya sentiasa peka kepada sebarang perkembangan perubahan dan pembangunan yang berlaku didalam dan diluar Lembaga. Dengan cara ini walaupun puan-puan terpisah antara satu sama lain, tetapi puan-puan berpeluang mengetahui akan kegiatan-kegiatan yang berlaku ditempat lain. Dengan ini kita tidak akan ketinggalan dimana-mana lapangan. Saya harap kita dapat bergerak dan menyesuaikan kedudukan kita dengan keadaan semasa.

Walaupun telah banyak kejayaan yang telah kita capai sejak 12 tahun yang lalu, tetapi masih banyak ruang yang boleh kita perkemaskan dan memperbaiki lagi. Persatuan kita boleh memainkan peranan penting dan memberi sumbangan dengan cara mengatur kegiatan-kegiatan yang boleh memberi manfaat.

Dalam hubungan ini saya menyeru kepada semua ahli-ahli supaya menyedari bahawa kita mesti sentiasa berikhtiar untuk menentukan bahawa projek-projek dan aktiviti-aktiviti kita dilaksanakan dengan tahap profesionalisma yang tinggi.

Akhir sekali saya menyeru kepada semua ahli supaya mengembelinkan tenaga bersama-sama demi mempertingkatkan lagi imej persatuan supaya kita dapat menghasilkan sesuatu yang boleh dibanggakan dan kita seharusnya berazam untuk memastikan persatuan kita terus maju menjadi satu persatuan yang menerima pengiktirafan dari semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(DATIN SURIYAH ABDULLAH)
Yang Di Pertua
Pelitawanis

PELITAWANIS
(PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA)

MESYUARAT AGONG TAHUNAN
PADA 8-9 APRIL 1988
DI DEWAN SERBAGUNA LLN KUALA LUMPUR
DAN DI BILIK BERHAWA DINGIN KELAB KILAT, KUALA LUMPUR

ATURCARA

8 April 1988 Jumaat

- 9.00 Pagi - Pertandingan Badminton Peringkat Kebangsaan Suku Akhir di Dewan Serbaguna LLN Kuala Lumpur.
- 10.00 Pagi - Mesyuarat diantara Jawatankuasa Kerja Kebangsaan dan Pengerusi/Setiausaha Cawangan untuk membincangkan usul-usul dan lain-lain hal.
- 3.00 Petang - Peraduan Memasak Peringkat Kebangsaan di Bangunan Kelab Kilat, Kuala Lumpur.
- 4.00 Petang - Pertandingan Badminton Peringkat Separuh Akhir di Dewan Serbaguna LLN, Kuala Lumpur

9 April 1988 Sabtu

- 9.00 pagi - Pertandingan Badminton Peringkat Akhir di Dewan Serbaguna, LLN. Kuala Lumpur.
- 11.00 pagi - Ceramah di Bilik Hawa Dingin, Kelab Kilat Kuala Lumpur - 'KEJELITAAN WANITA' Oleh Prof. Dr. A. Hamid Arshat.
- 12.00 Tengahari - Makan Tengahari di Dewan Serbaguna, LLN, Kuala Lumpur.
- 2.00 Petang - Mesyuarat Agong Tahunan Ke-13, di Bilik Hawa Dingin, Kelab Kilat, Kuala Lumpur.

PELITAWANIS

PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA

MESYUARAT AGONG TAHUNAN YANG KE - 13
PADA 9 APRIL 1988 JAM 2.00 PETANG
DI BILIK BERHAWA DINGIN, KELAB KILAT, KUALA LUMPUR.

AJENDA

1. Ucapan Alu-aluan oleh Yang DiPertua Pelitawanis.
2. Ucapan Pembukaan Mesyuarat oleh Professor Madya (Dr) Jamilah bt. Ariffin.
3. Meluluskan Minit Mesyuarat Agong Tahunan Yang Ke-12 yang berlangsung di Hotel Petaling Jaya Hilton pada 25 April 1987.
4. Membincangkan perkara-perkara berbangkit.
5. Menimbang dan menerima Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira bagi Tahun berakhir pada 31.12.1987 untuk Pelitawanis Kebangsaan dan cawangan-cawangannya.
6. Hal-Hal Lain.

**MESYUARAT AGONG KE-12
PADA 25HB APRIL 1987
DI PETALING JAYA HILTON HOTEL**

Hadir:

Yang Di Pertua	:	Y.B. Datin Suriyah Abdullah
Naib Yang Di Pertua	:	Puan Zainorah Abdul Rahim
Setiausaha	:	Puan Faezah Ahmad
Pen. Setiausaha	:	Puan Vicki Balan
Bendahari	:	Puan Ng Kam Lan
Pen. Bendahari	:	Puan Amarjit Kaur

Turut Hadir:

Semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan wakil-wakil Pelitawanis dari semua cawangan dan ahli-ahli dari Kuala Lumpur.

Mesyuarat Agong Ke 12 ini bermula pada jam 2.00 petang dengan didahului oleh ucapan daripada Yang Di Pertua Pelitawanis Y.B. Datin Suriyah Abdullah. Ini di ikuti pula dengan ucapan aluan dan perasmian mesyuarat oleh Y.B. Puan Sri Datin Hafsa bt. Hj. Nasir, Penaung Pelitawanis.

Seterusnya Y.B. Puan Sri Datin Hafsa menyampaikan Piala Pusingan dari segi Kejuaraan Menambah Ali dalam tahun 1986 kepada cawangan ILSAS.

Sebelum mesyuarat dimulakan, penyemak undi telah dicalonkan. Mereka adalah:-

1. Puan Norsiah Wahab
2. Puan Faridah Md. Som
3. Puan Patricia Sen

1. **MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGONG KE-11**

Setelah tidak ada pindaan, minit Mesyuarat Agong Ke 11 telah diluluskan atas cadangan Puan Shahrarazad Yaacob dari Alor Star dan disokong oleh Puan Razipah dari Cawangan Bintang.

2. **MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

2.1. **Perihal Pengerusi Cawangan Alor Star**

Wakil dari Alor Star menyatakan cawangan itu telah pun mempunyai Pengerusi tetapi beliau tidak dapat hadir kali ini.

2.2. Perihal Mengadakan Mesyuarat Agong pada Masa Cuti Sekolah

Datin Pengerusi menyatakan pada tahun ini Mesyuarat Agong tidak dapat diadakan pada masa cuti sekolah oleh kerana ada dua sebab. Pertama, LLN dan Pelitawanis telah mengadakan Minggu Kempen Anti Dadah dan yang kedua kebanyakan ahli-ahli dari Kuala Lumpur bercuti di bandar-bandar lain.

Datin Pengerusi menambah lagi, iaitu ini tidaklah bermakna Mesyuarat Agong yang akan datang tidak boleh diadakan pada musin cuti sekolah.

2.3. Perihal Menjadi Tuan Rumah Untuk Menganjurkan Mesyuarat Agong

Berkenaan perkara ini Datin Pengerusi menyatakan oleh kerana pada tahun ini Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Kebangsaan yang baru akan dilantik, maka mesyuarat pada kali ini terpaksa diadakan di Kuala Lumpur.

Walaubagaimana pun, cawangan-cawangan lain boleh menjadi tuan rumah pada tahun hadapan.

Di atas pertanyaan samada Cawangan Kebangsaan akan membiayai kos mengadakan mesyuarat agong di cawangan atau tidak, Datin Pengerusi menjawab Cawangan Kuala Lumpur boleh menanggung kos tetapi kerja-kerja menguruskannya umpama mengadakan dewan, makan dan tempat penginapan dan sebagainya hendaklah diuruskan oleh cawangan tersebut.

Ahli dari Kuala Lumpur mencadangkan mesyuarat akan datang diadakan samada di Paka, Pasir Gudang atau Temenggor.

Ahli dari Paka meminta maaf bahawa Paka tidak dapat menjadi tuan rumah oleh kerana disana tiada kemudahan seperti bas, dewan dan hotel.

Datin Pengerusi menyatakan sekiranya ada cawangan yang ingin menjadi tuan rumah untuk mengadakan Mesyuarat Agong hendaklah memohon dengan rasmi secara bertulis kepada Jawatankuasa Kebangsaan dengan menyatakan kemudahan-kemudahan yang terdapat disana. Surat tersebut hendaklah sampai selewat-lewatnya pada bulan November 1987.

3. MELULUSKAN LAPORAN 1986

Setelah tiada pindaan didalam laporan ia telah diluluskan atas cadangan Tan, ahli dari Kuala Lumpur dan disokong oleh Koh, ahli dari Batu Pahat.

4. MELULUSKAN LAPORAN KEWANGAN

Merujuk kepada muka surat 54, Bendahari, Puan Ng Kam Lan membuat pindaan, pembayaran untuk "Jawatankuasa Tadika" pada tahun 1986 ialah \$2,532. Pembayaran pada tahun 1985 ialah '\$1,964'.

Ahli dari Port Dickson, Patricia Sen meminta menjelaskan tentang gaji dan KWSP dimuka surat 54. Setiausaha kemudiannya menjelaskan iaitu gaji dan KWSP merupakan bayaran gaji dan KWSP kepada pekerja-pekerja Pelitawanis termasuk 3 orang guru Tadika dan 8 orang pengasuh kanak-kanak.

Ahli dari Kuala Lumpur pula ingin tahu dimanakah Wang Simpanan Tetap disimpan. Kepada soalan ini Setiausaha menjawab bahawa wang tersebut disimpan di Bank Bumiputra.

Puan Zaiton, ahli dari Seremban pula bertanya kenapa wang yang berada didalam Simpanan Tetap tidak dilaburkan didalam ASN.

Setiausaha menjelaskan, Pelitawanis tidak dapat melabur kerana ASN hanya menerima pelaburan di atas nama perseorangan sahaja.

Seorang ahli ingin tahu apakah makna "Tabung terkumpul" yang terdapat dimuka surat 53.

Setiausaha menerangkan "Tabung Terkumpul" bererti "assets" yang merupai barang-barang dan wang yang dimiliki oleh Pelitawanis.

Setelah tidak ada lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan Laporan Kewangan, ianya diluluskan atas cadangan Puan Rokiah ahli dari Johor Bahru dan disokong oleh Puan Ramlah ahli dari Kuala Terengganu.

5. HAL-HAL LAIN

hal-hal lain yang dibentangkan dimuka surat 56 dibincangkan.

5.1. Mengguna Kenderaan LLN Untuk Aktiviti Pelitawanis

Cawangan Temenggor telah mengemukakan masalah ketiadaan kenderaan untuk lawatan-lawatan anjuran Pelitawanis di Stesen tersebut.

Dalam hal ini, ahli dari Malim Nawar ingin tahu adakah kenderaan-kenderaan LLN mempunyai insuran yang melindungi orang-orang awam.

Kepada soalan ini, Setiausaha menjawab bahawa setengah-setengah kenderaan mempunyai insuran tersebut. Dan juga adalah terpulanglah kepada budi bicara Ketua Stesen untuk membantu Pelitawanis dalam hal ini.

Pengerusi menambah iaitu Pelitawanis perlu beriktihar sendiri dan janganlah mengharapkan semua bantuan diberi oleh LLN. Tambah beliau lagi, semua cawangan haruslah berusaha dalam menjalankan semua aktiviti tanpa seringkali meminta bantuan dari LLN. sahaja.

5.2. Hal Tadika

Cawangan Temenggor dan Pulau Pinang telah mengemukakan masalah membayar gaji guru-guru Tadika mereka.

Kepada persoalan ini Pengerusi menyatakan sekali lagi iaitu jika Pelitawanis (dimana-mana cawangan) ingin membuka kelas-kelas Tadika, maka Pelitawanis sendiri harus menanggung segala perbelanjaan, kerja dan sebagainya yang bersangkutan dengan Tadika. Tambah beliau, LLN adalah satu badan yang mana tujuannya ialah untuk memberi perkhidmatan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan bukannya membuka kelas Tadika. Dengan itu kita tidak seharusnya meminta LLN membuka kelas Tadika. Beliau berkata lagi jika cawangan-cawangan Pelitawanis tidak mampu untuk membayar gaji guru-guru, maka mereka tidak semestinya membuka kelas-kelas tersebut.

Berkenaan dengan masalah Tadika, ahli dari Cameron Highlands ingin tahu samada guru daripada KEMAS boleh mengajar di Tadika Pelitawanis.

Puan Asmah Pengerusi AJK Kecil Tadika KL menjawab bahawa guru-guru KEMAS boleh mengajar di Tadika Pelitawanis. Akan tetapi sekiranya demikian semua hal-hal pengurusan akan dikendalikan oleh KEMAS. Dengan ini Pelitawanis tidak akan dapat campurtangan lagi.

Puan Patricia Sen, ahli dari Port Dickson pula ingin tahu bolehkah AJK Pelitawanis Kuala Lumpur memajukan satu surat untuk mengarah semua ibu-ibu yang mempunyai kanak-kanak mereka di Tadika Pelitawanis Port Dickson menjadi ahli. Ini adalah kerana hanya 4 orang kanak-kanak yang mana ibu-ibu mereka menjadi ahli.

Kepada masalah ini, Setiausaha menyatakan Exco Pelitawanis tidak dapat berbuat demikian. Beliau seterusnya mengharapkan AJK Pelitawanis Port Dickson akan berusaha dengan lebih giat untuk menarik minat ibu-ibu mereka menjadi ahli.

5.3. Hal Penambahan ahli

Cawangan Temenggor mengemukakan masalah yang dihdapainya berkenaan isteri-isteri pegawai-pegawai kenan yang enggan menjadi ahli.

Tentang hal ini, Pengerusi menyatakan mereka haruslah membuat aktiviti-aktiviti yang boleh menarik minat kaum-kaun ibu ditempat masing-masing. Ini adalah tugas ahli-ahli Pelitawanis yang sediada untuk memikirkan aktiviti-aktiviti tersebut. Tambah beliau lagi, persatuan ini ialah persatuan sukarela dengan itu kita tidak seharusnya memaksa sesiapa menjadi ahli jika mereka tidak berminat.

Puan Zurina ahli dari Kuala Lumpur menyuarakan supaya semangat perlu dipupuk di kalangan ahli-ahli yang mana mereka mesti bangga menjadi ahli.

Pengerusi menyatakan lagi di Kuala Lumpur umpamanya Pelitawanis adalah terkenal dikalangan persatuan-persatuan wanita.

Ahli dari Paka pula mencadangkan mengadakan sebuah buletin yang melaporkan kegiatan-kegiatan Pelitawanis.

Pengerusi berkata untuk mengadakan bulletin, kos yang banyak perlu diguna.

Puan Azizah ahli dari ILSAS pula mencadangkan, supaya menambah 'column' yang sediada didalam Tenagawan.

Puan Mary, ahli dari Kuala Lumpur pula mencadangkan mengadakan kegiatan-kegiatan yang melibatkan suami, oleh kerana beliau berpendapat suami-suami juga memainkan peranan dalam keengganan kaum ibu menjadi ahli.

5.4. Usul Untuk Membolehkan Anak Ahli Menjadi Ahli

Cawangan ILSAS ingin meminda perlembagaan untuk membolehkan anak-anak ahli yang berumur 15 tahun keatas menjadi ahli supaya mereka boleh mengambil bahagian didalam kegiatan-kegiatan Pelitawanis.

Kepada perkara ini, Pengerusi menyatakan anak-anak ahli tidak mengira umur dan jantina boleh bergiat dalam kegiatan-kegiatan Pelitawanis, tetapi mereka tidak boleh menjadi ahli. Kata beliau lagi, jika cawangan ILSAS risau tentang dengan syarat Pertandingan Badminton merebut Piala Pusingan Puan Sri Datin Zaidah, mereka boleh mengadakan pertandingan badminton khas untuk anak-anak ahli pada bila-bila masa sahaja.

Dengan ini usul ini tidak diluluskan.

5.5. Yuran Pelitawanis

Cawangan Kuantan mengemukakan supaya ahli membayar yuran Pelitawanis dan tidak yuran Kelab Kilat.

Pengerusi menyatakan adalah tidak wajar oleh kerana Pelitawanis dan Kelab Kilat adalah dua persatuan yang berlainan dan tidak boleh disatukan.

Berkenaan mengurangkan peratusan yuran yang dibayar kepada Kuala Lumpur, yang dikemukakan oleh Kuantan, Pengerusi menyatakan wang yang dihantar oleh cawangan adalah untuk menolong cawangan lain yang baru ditubuhkan.

Setelah tidak ada hal-hal lain yang perlu dibincangkan, mesyuarat ditangguhkan atas cadangan ahli dari Taiping dan disokong oleh ahli dari Pulau Pinang.

5.6. Memilih Ahli Jawatankuasa Kerja Kebangsaan Bagi Tahun 1987/89

Dengan sebulat suara, Puan Azizah ahli dari ILSAS dipilih menjadi Pengerusi Sementara.

Puan Azizah melaporkan bahawa undi telah dibuat pada awal perhimpunan, untuk memilih AJK dalam jawatan Penolong Bendahari. Keputusannya ialah:-

Puan Amarjit Kaur mendapat	-	90 undi
Puan Janet Loke mendapat	-	70 undi

Dengan itu Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Kebangsaan Tahun 1987-89 ialah:-

Pengerusi	: Datin Suriyah Abdullah
Naib Pengerusi	: Puan Kalsom Ibak
Setiausaha Kebangsaan	: Puan Rafeah Salim
Penolong Setiausaha	: Puan Vicki Balan
Bendahari	: Puan Ng Kam Lan
Penolong Bendahari	: Puan Amarjit Kaur
Ahli Jawatankuasa	: Puan Zurina Zainal Abidin Cik Tan Geok Sim Puan Hajjah Saton Puan Rohani Rashid Puan Mariam Hj. Othman Puan Mariam Idris Puan Nazariah Ahmad Nazri Puan Norfifah Hashim Puan Galoh Zakiah Puan Saadiyah Badrudin Puan Norsiah Abdul Wahab Puan Mashitah Jamaluddin Cik Mahaizan Mohd. Dan Cik Hafsah Mohd. Said.

Mesyuarat telah ditangguhkan setelah Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli semua.

PELITAWANIS
(PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA)

LAPORAN TAHUNAN SETIAUSAHA KEBANGSAAN
TAHUN 1987

1. PENDAHULUAN

Laporan ini adalah merangkumi tahun kewangan yang bermula dari 1 Januari 1987 hingga ke 31 Disember 1987.

2. MESYUARAT AJK KEBANGSAAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan 1987 telah mengadakan mesyuarat bulanan sebanyak 8 kali sepanjang tahun ini.

3. KEAHLIAN

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil Penambahan Ahli adalah terdiri daripada :-

Pengerusi : Puan Rohani Romly

Setiausaha : Puan Amarjit Kaur

Pada tahun ini sebuah cawangan baru telah ditubuhkan, iaitu Stesen Janaelektrik Paka.

Dengan ini bermakna setakat ini Pelitawanis mempunyai sebanyak 28 buah cawangan dan dengan itu juga bilangan ahli turut bertambah. Stesen yang telah menghantar nama-nama ahli baru untuk kelulusan adalah seperti dibawah.

Stesen Janaelektrik Paka	-	73
Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught, Kelang	-	20
Cameron Highlands	-	5
Perai	-	9
ILSAS	-	6
Kuantan	-	2
Temengor	-	23
Kuala Lumpur	-	33
Kampar	-	46
Ipoh	-	60

Daripada keterangan yang di atas, nampaknya Stesen Paka sahaja yang telah daftarkan Ahli yang banyak pada tahun 1987 dan stesen-stesen lain tidak sebut diatas mestilah berusaha menarik ramai lagi bilangan wanita terutama dikalangan isteri-isteri kakitangan dibawah jagaan mereka. Cawangan Ipoh telah bubar selama empat tahun lepas, telah pun ditubuh balik dengan ahli baru.

4. AKTIVITI-AKTIVITI CAWANGAN

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh ahli-ahli Pelitawanis Kuala Lumpur bolehlah dibahagikan seperti berikut:-

4.1. TADIKA

Kelas Tadika masih lagi diteruskan sehingga kini.

Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Tadika adalah terdiri daripada;

PENGERUSI	:	Datin Suriyah Abdullah
GURU BESAR KEHORMAT	:	Puan Hajjah Saton Sawai
AHLI-AHLI JAWATANKUASA	:	Puan Norfifah Hashim Cik Jamilah Hj. Abdullah Puan Maziah Hj. Abdul Malek Cik Sharifah Hj. Mat Siron

Sambutan yang diberikan bagi kelas tersebut sungguh memuaskan. Bilangan kanak-kanak telah bertambah dari masa kesemasa seperti berikut:-

Tahun 1987

4/5 tahun	-	26 orang kanak-kanak)
) 56 orang semuanya
6 tahun	-	30 orang kanak-kanak)

Tadika ini mempunyai 2 kelas iaitu untuk kanak-kanak berumur 4/5 tahun dan kanak-kanak berumur 6 tahun. Kelas ini diuruskan oleh 2 orang guru dan seorang pembantu. Tiap-tiap guru yang mengajar disini telah pun mengikuti beberapa kursus yang dianjurkan oleh pihak Tadika.

Kelas ini dibuka kepada anak-anak Ahli-Ahli Pelitawanis sahaja. Sistem pelajaran disini adalah mengikut Kurikulum dari Kementerian Pelajaran iaitu mempraktikkan cara-cara "BERMAIN Sambil BELAJAR".

Tiap-tiap tahun kanak-kanak di Tadika akan dibawa melawat atau bersiar-siar ketempat-tempat yang menarik seperti ke Zoo Negara (1987). Selain dari itu acara Tahunan Tadika juga sering diadakan seperti Hari Sukan Tahunan dan juga Hari Penyampaian Sijil Tamat Tadika bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun yang diadakan di Dewan Serbaguna. Satu jamuan ringan juga sering diadakan sempena hari tersebut bagi menjamu ibubapa yang hadir.

Pihak Tadika juga telah menyediakan pakaian berbentuk jubah berwarna merah bagi pelajar kanak-kanak yang berumur 6 tahun semasa penyampaian sijil tersebut.

Pada tahun ini TADIKA juga telah membuat beberapa penambahan umpamanya membuat tempat bermain pasir bagi kanak-kanak, pengubahsuaian pondok seperti mengecat pondok, penambahan tempat kanak-kanak bermain (Beranda).

4.2. PUSTAKAWANIS

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil Perpustakaan adalah terdiri:-

Pengerusi	:	Puan Mashitah Jamaludin
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Galoh Zakiah Mahmud Puan Hajjah Saton Cik Mahaizan Mohd. Dan Cik Norjannah Cik Hashimah Wahid

4.3. SOSIAL

Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Social adalah seperti berikut:-

Pengerusi	:	Puan Hajjah Kalsom Ibak
Setiausaha	:	Puan Vicki Balan
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Hajjah Zurina Zainal Abidin Puan Saadiah Badrudin Puan Mariam Idris

Aktiviti-aktiviti sosial yang telah dijalankan sepanjang tahun amatlah menggalakkan. Berbagai-bagai kegiatan telah disusun untuk ahli-ahli seperti berikut:-

SEPTEMBER 1987 - Hari Terbuka LLN - Sekali lagi Pelitawanis telah diberi kemudahan membuka gerai jualan makanan, kuih-muih dan minuman untuk para pengunjung.

Mengadakan lawatan sambil belajar dan menghadiri taklimat di ITM (School of Hotel Catering) berhubung dengan pemakanan dan masakan.

Lawatan ke Karunmas Klang iaitu pusat seni jahitan/sulaman yang amat menarik untuk ahli-ahli.

OKTOBER DAN NOVEMBER 1987 - Mengelolakan kursus masakan untuk ahli-ahli dan bukan ahli dengan kerjasama pihak ITM (School of Hotel Management & Catering). Tiga kursus telah diadakan:-

- (a) Kursus I - Pastry
- (b) Kursus II - Masakan Eropah
- (c) KURSUS III - Masakan Cina

DISEMBER 1987 Mengaturkan demonstrasi masakan dari pakar yang berpengalaman dari Malaysian Flour Mill. En. Ngai telah bermurah hati menunjukkan kepada ahli-ahli cara-cara yang betul membuat:-

- (a) Pau Kaya
- (b) Pandan Chiffon
- (c) Swiss Roll

Sambutan sungguh-sungguh menggalakkan daripada ahli-ahli.

Mengadakan demonstrasi masakan dari Syarikat Luxor Sdn. Bhd. Berbagai-bagai masakan telah ditunjukkan dengan menggunakan peralatan diperbuat daripada Stainless Steel (Periok Serbaguna).

4.4. SUKAN

Pengerusi : Hasfah Mohd. Said
Setiausaha : Tan Geok Sim
Bendahari : Khairun Rahim
Ahli-Ahli
Jawatankuasa : Sete Dani
Jane Chua
Karen Ng
Irene Low

Bagi tahun ini Jawatankuasa Kecil Sukan tidak aktif, tetapi latihan bagi menghadapi pertandingan badminton bagi merebut Piala Puan Sri Datin Zaidah yang akan diadakan pada 8 & 9 April 1988 di Kuala Lumpur telah berjalan.

Adalah diharapkan Jawatankuasa Kecil Sukan akan berusaha mengelolakan beberapa kegiatan dan pertandingan di masa-masa akan datang.

4.5. TAMAN PENGAGASAN KANAK-KANAK SINAR SURIA

Jawatankuasa Kecil Sinar Suria dianggotai oleh ahli-ahli berikut:-

Pengerusi : Puan Norsiah Wahab
Setiausaha : Puan Vicki Balan
Ahli-Ahli : Puan Mariam Othman
Jawatankuasa : Puan Ng Kam Lan
Cik Mahaizan Md..Dan
Puan Nazariah Ahmad Nazri
Ahli Undangan : Puan Norhayati
Ibu-Ibu Kanak-Kanak (Mengikut Undangan)

Taman Pengasasan ini akan berumur dua tahun dalam bulan May 1988 dan merupakan satu khidmat Pelitawanis kepada ibu-ibu yang bekerja disekitar LLN Ibu Pejabat. Sambutan yang diberi sangat menggalakkan dan bilangan purata kanak-kanak ialah 25 orang pada tiap-tiap bulan.

Dalam setahun kebelakangan, Taman ini telah menambah beberapa alat permainan kanak-kanak dan bahan bacaan. Dua orang lagi kakitangan Sinar Suria telah pun mengikuti kursus Mengasuh Kanak-Kanak Anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Adalah menjadi hasrat kami untuk memberi latihan kepada semua kakitangan Taman ini.

Bagi merapatkan lagi hubungan diantara ibu-bapa kanak-kanak dan ahli-ahli J/Kuasa dua majlis dialog telah diadakan. Tujuan dialog ialah untuk mengetahui sebarang masalah ibu-ibu sama ada dengan pentadbiran Sinar Suria atau dengan pengasuh dan mencari jalan penyelesaian yang baik.

Aktiviti harian Sinar Suria adalah berpandukan Program Jabatan Kebajikan Masyarakat dan termasuklah menyanyi, melukis, bercerita, bual bebas, dan permainan luar dan dalam rumah.

4.6. PUBLISITI

Pengerusi : Cik Mahaizan Md. Dan
Setiausaha : Cik Mazenah Tuan Ngah
Ahli-Ahli : Cik Irene Low May Leng
J/Kuasa Kecil : Cik Gan Siew Chooi

Tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada J/Kuasa ini termasuklah menguruskan pengedaran surat Pekeliling Pelitawanis serta surat-surat edaran berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Pelitawanis dan juga mengiklankan semua aktiviti-aktiviti Persatuan melalui poster-poster.

Surat Pekeliling Pelitawanis yang dikeluarkan sekali setiap dua bulan adalah bertujuan untuk mengkhabarkan dan memberitahu kepada ahli-ahli mengenai program-program yang telah dirancang bagi dua bulan berikutnya supaya memudahkan ahli-ahli menyertai aktiviti/program yang telah dirancang terdahulunya. Bahan-bahan dan maklumat yang diperlukan akan diperolehi daripada setiap jawatankuasa kecil untuk dimuatkan ke dalam Surat Pekeliling berkenaan.

4.7. LATIHAN & PEMBANGUNAN

Pengerusi : Puan Nazariah Ahmad Nazri

Setiausaha : Cik Tan Geok Sim

Ahli-Ahli : Puan Saadiyah Badrudin

Jawatankuasa Puan Mariam Idris

Kecil Puan Amarjit Kaur

Kami telah mengadakan dua ceramah seperti berikut:-

Ogos '87 - 'Sakit Puan' oleh Prof. Dr. Abdul
Hamid Arshat, Ketua Pengarah,
Lembaga Penduduk & Pembangunan
Keluarga.

OKtober '87 - 'Kesuntukan Akhlak' oleh
Dr. Harun Din.

5. GERAN DARI LEMBAGA LETRIK NEGARA

Ingin dimaklumkan juga bahawa Lembaga Letrik Negara telah memberi Geran berjumlah \$77,000 iaitu \$7,000 setahun dari tahun 1977 hingga 1987 dan Geran itu dibahagikan seperti berikut:-

Geran (LLN) dari 1977 - 1987 \$ 77,000

Tolak:

i)	Jumlah yang akan dibayar kepada cawangan-cawangan	32,830	
ii)	Jumlah untuk Pelitawanis Kebangsaan	8,346	
iii)	Perbelanjaan Mesyuarat Agong Tahunan sejak 1979 hingga 1987	<u>41,741</u>	(82,917)
	Kekurangan:		<u>(\$5,917)</u> =====


6. **PENGHARGAAAN**

Sebagai mengakhiri laporan ini inginlah saya merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak berikut:-

- (a) Lembaga Letrik Negara yang telah bermurah hati menyumbangkan bantuan dalam berbagai bentuk untuk membolehkan kami berjaya menjalankan aktiviti.
- (b) Semua orang-orang perseorangan dan firma-firma yang telah menyumbangkan bantuan.
- (c) Semua yang telah memberi kerjasama mereka kepada persatuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


(VICKI BALAN)

Pen. Setiausaha Kebangsaan
Pelitawanis

/WAN

CAWANGAN PULAU PINANG

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

Pengerusi : Puan Chan Sow Chee
Naib Pengerusi : Puan K. Nithyanathan
Setiausaha : Puan Asma Hussin
Kehormat : Puan Asma Amin (mulai Oktober 1986)

Bendahari Kehormat : Cik Yeoh Dee

Ahli-Ahli Jawatankuasa : Puan A.V. Mahesan
" Bedah Shariff
" Susie Lim
" Zainormah
" Rohani Ismail
" Siti Rofiah bt. Hj. Bidin
" Mohan Lall
" Khatijah bt. Pawan
" Fatimah bt. Mohd.
" Ridzuan

Audit Dalam : Puan Sharifah
Cik Umi Kalsom

1. KEAHLIAN

Keanggotaan ahli setakat tahun 1987 ialah seramai 90 orang dan untuk tahun 1988 hanya tinggal $\frac{1}{2}$ kerana ramai ahli dari Stesen Janaelektrik Glugor yang terpaksa berhenti atas sebab pertukaran suami mereka.

2. JAWATANKUASA PENTADBIRAN

Disepanjang tahun 1987/88 Jawatankuasa Pentadbiran telah mengadakan 7 mesyuarat.

3. JAWATANKUASA KECIL PELAJARAN

Pengerusi Pelitawanis Pulau Pinang: Puan Chan sow Chee
Pengerusi : Puan K.Nithyananthan
Ahli Jawatankuasa : Puan Ridzuan
Guru Pra-Sekolah : Puan Vasanthi

Sambutan yang diberikan terhadap kelas Tadika ini sungguh memuaskan untuk tahun 1987 tetapi sayangnya atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan pada tahun 1988 ini Tadika terpaksa ditutup sementara.

4. JAWATANKUASA KECIL SOSIAL DAN KEBAJIKAN

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil ini dianggotai oleh:-

Setiausaha : Puan Asma Amin
Ahli J/Kuasa : Puan Mohan Lall
Puan Siti Rosiah
Puan Fatimah
Puan Khatijah

Beberapa aktiviti sosial telah dijalankan dengan kerjasama Setiausaha Sosial sendiri dan seorang dua ahli Pelitawanis. 3 hadiah cabutan bertuah disediakan setiap kali demonstrasi diadakan bertujuan untuk menggalakkan sambutan dari ahli-ahli. Disamping itu Jawatankuasa Sosial ini dengan kerjasama ahli-ahli yang lain tidak ketinggalan dalam membantu menjayakan sambutan semasa lawatan Datin pada tahun lalu dan hari ibu-bapa serta hari Penyampaian Sijil Kanak-Kanak Tadika, Hari Terbuka LLN dan lain-lain.

5. **JAWATANKUASA KECIL PERPUSTAKAAN**

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil Perpustakaan adalah terdiri dari:-

Pengerusi : Puan A.V. Mahesan
Ahli J/Kuasa : Puan Susie Lim
Cik Yeoh Joo Dee
Puan Siti Rofeah
5 orang perpustakaan

Perpustakaan Pelitawanis Pulau Pinang telah banyak membantu anak-anak ahli dan juga ahli-ahli sendiri dalam menyediakan bahan-bahan bacaan yang bermutu. Pengendalian perpustakaan adalah memuaskan dan adalah diharapkan agar koleksi buku-buku bagi tahun 1988 dapat ditambahkan lagi.

6. **JAWATANKUASA KECIL SUKAN**

Tahun 1987, dibawah kelolaan gigih oleh Jurulatih Encik Kay Choo, pasukan Pelitawanis Pulau Pinang telah menjadi johan untuk Pertandingan Badminton Piala Sri Datin Zaidah.

Sebelum itu Pasukan Pulau Pinang telah bertemu dengan Pasukan Temenggor di Temenggor dan Pasukan di Kuala Lumpur diperingkat awalnya.

7. **PENGHARGAAN**

Jawatankuasa Pengurusan Pelitawanis Pulau Pinang ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua mereka yang telah membantu menjayakan Persatuan Pelitawanis Pulau Pinang.

Dilaporkan Oleh

Asma bt. Hassan
Setiausaha

CAWANGAN STESEN JANA ELEKTRIK PERAI

1. LAPORAN SOSIAL

Kegiatan Sosial dijalankan seperti biasa, tetapi sambutan dari ahli kurang memuaskan, hanya sebilangan kecil dari ahli yang hadir pada setiap kali perjumpaan diadakan. Diharap dimasa-masa akan datang lebih ramai lagi ahli-ahli Pelitawanis akan hadir. Dengan ini kita dapat lagi menjayakan serta meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan yang selalu diadakan.

2. BERIKUT ADALAH AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL TAHUN 1987/88

a) Kelas Masakan

	<u>Tarikh</u>	<u>Masakan</u>	<u>Pengajar</u>
1.	7.3.87	Pizza	Puan Wan Noor
2.	18.7.87	Roti	Puan Uji
3.	15.8.87	Kuah Roti	Puan Asiah
4.	5.9.87	Nasi Ulam & Sotok Lada	Puan Fatimah
5.	19.9.87	Kueh Jepun	Puan Wan Noor
6.	3.10.87	Bahulu Asli	Puan Sabariah
7.	17.10.87	Rice Bubble Cookies	Puan R.Adlin
8.	7.11.87	Oren Chiffon Cake	Puan Lee Kin
9.	7.11.87	Bahulu Betawi	Puan Fatimah
10.	21.11.87	Roti Pisang	Puan Roslina
11.	16.1.88	Laksa	Puan Fatimah

b) Penyediaan makanan dan minuman ke Stesen Janaelektrik Perai telah dibuat beberapa kali:-

- i) 13.4.87 - 17.4.87 - Jamuan teh telah disediakan semasa Ceramah Kempen Anti Dadah diadakan.
- ii) 29.8.87 - Jamuan teh telah disediakan semasa gotong royong di Stesen Janaelektrik Perai.
- iii) 1.9.87 - Jamuan tengah hari sempena Hari Terbuka Stesen Janaelektrik Perai.
- vi) 19.12.87 - Jamuan teh sempena Lawatan Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran)

c) Lawatan

- 11.7.87 - Pelitawanis Stesen Janaelektrik Perai telah mengadakan lawatan ke Pelitawanis Butterworth.

3. **LAPORAN TADIKA**

Tadika Intan mempunyai seramai 49 orang murid kesemuanya. Pada 12hb November 1987, Tadika Intan telah mengadakan Hari Penyampaian Hadiah dan Sijil Penyertaan Kanak-Kanak untuk murid-murid. Pakaian Jubah Hitam telah disediakan untuk murid-murid yang tamat di alam persekolahan tadika, murid-murid itu berumur 6 tahun. Tadika juga tidak ketinggalan menyumbang hadiah-hadiah kepada murid-murid yang mencapai keputusan cemerlang dalam pelajaran mereka.

4. **LAPORAN SUKAN**

Bagi sepanjang tahun 1986/87 aktiviti sukan persatuan kami telah mendapat galakan dari ahli-ahli terutamanya didalam permainan Bola Jaring. Ahli-ahli yang terlibat didalam permainan Bola Jaring dan Badminton telah bersetuju untuk membayar \$1.00 seorang tiap-tiap bulan. Kutipan ini adalah untuk perbelanjaan semasa latihan ataupun perlawanan.

Berikut adalah jadual perlawanan persahabatan yang telah dijalankan:-

a) **Badminton**

	<u>Tarikh</u>	<u>Pasukan</u>	<u>Markah</u>
i)	4.3.87	Pelitawanis Lwn. Mattel	
ii)	21.3.87	Pelitawanis Lwn. Perkap (kalah)	0 - 5

b) **Bola Jaring**

i)	20.2.87	Pelitawanis Lwn. MEM (menang)	22 - 0
ii)	28.2.87	Pelitawanis Lwn. Schott Glass (menang)	28 - 4
iii)	1.4.87	Pelitawanis Lwn. MPSP (kalah)	1 - 15
iv)	4.4.87	Pelitawanis Lwn. Perkep (menang)	8 - 6
v)	7.4.87	Pelitawanis Lwn. Kelab Kastam (kalan)	18 - 20
vi)	24.4.87	Pelitawanis Lwn. Telekom (M'sia) (menang)	28 - 3
vii)	26.4.87	Pelitawanis Lwn. Sikh B'worth (menang)	13 - 9
viii)	8.11.87	Pelitawanis Lwn. Puspanita Parit Buntar (kalah)	-

Pada 18hb April 1987 bersamaan dengan hari Sabtu, Pasukan Pelitawanis telah mengambil bahagian dalam sukan "Sukaneka" anjuran Kempen Anti Dadah. Pasukan Pelitawanis telah menang dalam satu acara dan mendapat tempat pertama.

Pada pertengahan tahun 1987 kegiatan-kegiatan sukan telah hentikan oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

Dilaporkan Oleh:

Setiausaha

CAWANGAN BUTTERWORTH

Dengan sukacitanya Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelitawanis Butterworth membentangkan aktiviti-aktiviti Persatuan sepanjang Sessi 1987/88. Memandangkan terdapatnya kekurangan ahli-ahli di Persatuan Pelitawanis, yuran tahunan diperolehi dengan sedikit serta aktiviti bagi penambahan wang bagi tabung Persatuan tidaklah menggalakan.

Walau bagaimanapun ahli-ahli Persatuan telah menunjukkan minat mereka dengan adanya lawatan-lawatan yang telah diadakan, iaitu melawat ke Pulau Pinang dengan mengelilingi Pulau Mutiara yang penuh dengan keindahan alam yang semula jadinya, dan juga terdapat tempat perkelahan.

1. KEAHLIAN

Buat masa sekarang Persatuan Pelitawanis mempunyai 63 orang ahli sahaja. Keahlian berkurangan adalah disebabkan oleh pertukaran suami-suami mereka ke lain daerah.

2. KEWANGAN

Kedudukan kewangan Persatuan kurang menggalakan. Ini adalah disebabkan kurang aktiviti bagi menambahkan kewangan Persatuan. Walau bagaimanapun ahli jawatankuasa Persatuan akan mencuba meningkatkan aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan.

3. AKTIVITI SEMASA

1. Kelas Ugama

Kelas Ugama yang diadakan pada setiap hari Rabu telah diubah kepada hari Selasa jam 5.00 petang. Kelas ini adalah bagi ahli-ahli yang tinggal di Kwarters LLN Butterworth serta ahli-ahli yang lain.

2. Kelas Jahitan

Kelas Jahitan hanya dapat sambutan setakat 4 bulan sahaja, ini adalah disebabkan kekurangan ahli yang berminat dan ditutup buat sementara waktu.

3. Kelas Masakan

Kelas masakan terpaksa diberhentikan, memandangkan ketiadaan Guru bagi mengajar. Kelas ini hanya dapat diadakan selama duabulan sahaja.

4. AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa telah diadakan sebanyak lapan kali dalam sesi 1986/87.

<u>Bulan</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Catatan</u>
Mac 1987	27.3.87	Mesyuarat Agong Tahunan ke 5 Sessi 1986/87. Semasa mesyuarat tersebut Peraduan Gubahan telah diadakan ahli-ahli yang memenangi Peraduan Gubahan tersebut ialah :- a) Puan Nazli b) Puan Saadiah c) Puan Hasnah Tahniah diucapkan.
April 1987	13.4.87 hingga 17.4.87	Minggu Kempen "ANTI DADAH" - Persatuan Pelitawanis Butterworth telah diberi peluang menyediakan minuman pagi kepada kakitangan LLN dan Pegawai daripada Yunit Pencegah Anti Dadah.
April 1987	18.4.87	Persatuan Pelitawanis telah mengadakan Peraduan Melukis untuk kanak-kanak berumur 7 tahun hingga 14 tahun. Ini adalah sambutan sempena Minggu Kempen "Anti Dadah" dan peraduan ini adalah mengenai "Anti Dadah". Peraduan ini telah dibahagi kepada :- Kategori "A" - 7 thn. - 9 thn.-3 pemenang Kategori "B" -10 thn. -12 thn.-3 pemenang Kategori "C" -13 thn. -14 thn.- 3 pemenang Peserta-peserta yang mengambil bahagian adalah terdiri daripada anak-anak kakitangan LLN, Butterworth. Dan dikenakan bayaran 50 sen seorang. Seramai 26 peserta mengambil bahagian. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengurus Daerah Kanan, LLN Butterworth. Pemenang-pemenang telah diberi hadiah berupa alatan sekolah. Seorang Pengadil telah dilantik bagi memilih pemenang-pemenang, Beliau adalah Encik Yusoff Hashim seorang kartunis yang professional dari LLN Bukit Mertajam. Akhir sekali sebuah cenderamata telah diberikan pada Encik Yusoff yang telah sudi mengadili peraduan tersebut.

<u>Bulan</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Catitan</u>
Julai 1987	11.7.87	<p>Persatuan Pelitawanis Perai, telah membuat balas lawatan ke Pelitawanis Butterworth. Seramai 30 orang ahli telah hadir pada majlis tersebut. Jamuan Teh telah diberikan. Setelah berbincang serta bertukar-tukar pendapat dan ahli Persatuan kami telah menunjukkan satu demonstrasi mengenai cara-cara "make-up" dengan menggunakan jenama "Aloha" dan "Amway". Kami telah memberi peluang kepada ahli-ahli Pelitawanis Perai mengambil bahagian dalam demonstrasi tersebut.</p> <p>Dan akhir sekali Persatuan Pelitawanis Perai dan Butterworth telah bergambar bersama-sama sebagai menjalin persahabatan antara Persatuan.</p>
Ogos 1987	30.8.87	Persatuan telah menyediakan Jamuan Petang untuk Sukanika Kelab Kilat.
Okt. 1987	4.10.87	Persatuan telah mengadakan rombongan/ lawatan ke Pulau Mutiara dengan mengelilingi Pulau tersebut dengan menaiki bas yang disewa oleh Persatuan. Galakan begitu memuaskan. Ahli-ahli rombongan telah dikenakan separuh bayaran dan separuh lagi dibayar oleh Persatuan.
Nov. 1987	22.12.87	Semasa kedatangan Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran), Encik Ibak bin Abu Hussin ke Pengurus Daerah Kanan, LLN Butterworth, Persatuan telah diberi peluang menyediakan Jamuan Pagi kepada hadirin.

5. TADIKA

Kelas Tadika buat masa sekarang hanya 15 orang kanak-kanak sahaja yang mengikuti Kelas tersebut. Tadika kami hanya memasuki tahun kedua dan nampaknya kanak-kanak begitu berminat sekali kerana adanya seorang Guru, Cik Saodah yang begitu memberi perhatian kepada mereka.

Akhir kata, ahli Jawatankuasa serta ahli-ahli akan lebih cergas dan bekerjasama bagi meningkatkan lagi mutu persatuan serta dapat menambahkan lagi aktiviti-aktiviti Persatuan Pelitawanis Butterworth.

Dilaporkan Oleh:

Saadiah bt. Daud
Seriausaha

CAWANGAN TEMENGOR

AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Siti Rohani
Naib Pengerusi	:	Puan Khatijah Adam (Tukar ke K.Lumpur - Julai 1987)
Setiausaha	:	Puan Nurul Ehsan
Pen. Setiausaha	:	Puan Ashah Mohd. Yusof
Bendahari	:	Puan Tan Soon Hong
Pen. Bendahari	:	Puan Kamsiah
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Jah Hassan
		Puan Gayah (Tukar ke Baling - Disember 1987
		Puan Saadiah
		Puan Mahanom
		Puan Hamidah
		Puan Rofyal Aini
		Puan Krishnavenee
		Puan Anjalai
		Puan Parvathy
		Puan Noriza

1. MESYUARAT

Perjumpaan mesyuarat-mesyuarat telah diadakan sebanyak tujuh kali daripada Februari hingga Disember 1987.

1.	Mesyuarat Tergempar	-	8.2.87
2.	Mesyuarat A.J.K. Yang Pertama	-	26.2.87
3.	Mesyuarat A.J.K. Yang Kedua	-	16.6.87
4.	Mesyuarat A.J.K. Yang Ketiga	-	17.8.87
5.	Mesyuarat A.J.K. Yang Keempat	-	15.9.87
6.	Mesyuarat A.J.K. Yang Kelima	-	12.11.87
7.	Mesyuarat A.J.K. Yang keenam	-	3.12.87

2. AKTIVITI-AKTIVITI BAGI SEPANJANG TAHUN 1987

1. Kelas-kelas masakan telah diadakan dua minggu sekali bersamaan hari Ahad jam 3.00 petang.

3. JADUAL KELAS MASAKAN

	<u>Demonstrasi</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Masakan</u>
1.	Puan Rafidah	22.3. 87	Popia
2.	Puan Azizah	19.4. 87	Laksa mee
3.	Puan Mahanom	21.6. 87	Acar Rempah Telur Puyuh
4.	Puan Saadiah	10.7. 87	Karipap Pusing
5.	Puan Nurul Ehsan	4.10. 87	Ayam Percik
6.	Puan Salasiah	18.10.87	Biskut Sampan

4. **MESYUARAT JAMUAN PERPISAHAN, SUAIKANEL DAN JAMUAN HARI RAYA**

Jamuan ini telah diadakan pada 24 Jun 1987 bersamaan hari Rabu, jam 5.00 petang bertempat di Bangunan Kelab Kilat. Jamuan Perpisahan ini ialah untuk Puan Khatijah Adam yang telah bertukar ke Kuala Lumpur.

5. **MENGENAI JUALAN PADA HARI TERBUKA LLN.1 SEPTEMBER 1987**

Tahun ini Persatuan Pelitawanis juga telah membuat jualan. Seperti biasa ahli-ahli Pelitawanis telah berganding bahu untuk menjayakan jualan tersebut. Hasil keuntungan dari jualan telah dimasukkan dalam tabung Pelitawanis.

6. **MENGENAI JUALAN HARI PERTANDINGAN BOLA SEPAK PADA 6.9.1987**

Persatuan Pelitawanis telah membuat jualan pada hari tersebut. Jualannya ialah seperti berikut :-

Nasi, Gulai Kacang & Udang, Ikan goreng, sambal dan ulam timun, rojak, jambu batu dan air sirap.

Hasil keuntungan dari jualan telah dimasukkan dalam tabung Pelitawanis.

7. **MENGENAI ROMBONGAN PADA 3 OKTOBER 1987**

Pada hari tersebut ahli jawatankuasa telah membuat rombongan ke Betong. Rombongan ini memakan masa hanya sehari. Seperti biasa pihak Persatuan telah membayar separuh tambang pada ahli-ahli Pelitawanis.

8. **JAMUAN PERPISAHAN - PADA 21 NOVEMBER 1987**

Jamuan Perpisahan ini telah diadakan di bangunan Kelab Kilat sempena pertukaran Pengerusi Pelitawanis, Puan Siti Rohani ke Kuala Lumpur.

9. **TADIKA**

Sepanjang tahun 1983 hingga 1987, Kelas Tadika kita telah dibimbing oleh Cik Zubaidah bt. Khalid. Atas sebab-sebab peribadi beliau telah meletakkan jawatannya. Pada 10 Disember 1987 dua orang anak pekerja LLN telah dipanggil untuk ditemudugakan sebagai guru Tadika. Didalam keputusan ini, Pengerusi telah memilih Cik Sharifah Alauyah bt. Kushairi sebagai ganti.

10. **JADUAL MELAWAT KELAS TADIKA**

Isnin	-	Puan Saadiah	-	Puan Hamidah
Selasa	-	Puan Mahanom	-	Puan Rofyal Aini
Rabu	-	Puan Khamsiah	-	Puan Jah Hassan
Khamis	-	Puan Jah Hassan	-	Puan Mahanom
Jumaat	-	Puan Krishnavenee	-	Puan Anjalai

11. Mengenai Sukan - Bulu Tangkis 1987

Pada 17hb dan 24 hb Oktober 1987 Pertandingan Bulu Tangkis antara ahli-ahli telah diadakan. Pertandingan ini telah diadakan untuk merebut Piala Pusingan. Pada 17hb November perlawanan persahabatan telah diadakan di Bangunan Kelab Kilat. Perlawanan ini ialah diantara Jabatan Air, Grik.

12. Jumlah Bilangan Ahli-Ahli

Jumlah setakat Disember 1987 :-

Ahli Isteri Pekerja : 121

Ahli Pekerja : 7

Jumlah : 128
===

Saya bagi pihak Persatuan Pelitawanis Cawangan Temengor ingin mengucapkan ribuan terima kasih pada semua ahli-ahli yang telah berganding bahu untuk menjayakan semua aktiviti-aktiviti kita sepanjang tahun 1987. Semoga puan-puan terus majukan lagi aktiviti-aktiviti kita pada tahun hadapan. Saya sudahi dengan ampun dan maaf dari puan-puan semua atas segala kesalahan saya.

Dilaporkan Oleh:

Nurul Ehsan
Setiausaha

CAWANGAN TAIPING

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Hasnah bt. Ibrahim
Naib Pengerusi	:	Puan Norisha bt. Abd. Rahman
Setiausaha	:	Puan Noraini bt. Abu Bakar
Pen. Setiausaha	:	Puan Nadzimah bt. Abdullah
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Razina bt. Mat Isa
	:	Puan Sma bt. Mahidin
	:	Puan Rabiah bt. Ali
	:	Puan Rahman bt. Tajid
	:	Puan Hasnah bt. Hitam
	:	Puan Khadijah bt. Mat Isa
	:	Puan Alawiyah

Berikut adalah laporan ringkas mengenai kegiatan dan kedudukan serta perkembangan Persatuan pelitawanis Taiping untuk tahun 1987.

1. KEAHLIAN

Cawangan setakat ini mempunyai 20 orang disebabkan banyak yang telah bertukar dan berhenti.

2. MESYUARAT

Mesyuarat telah diadakan dua kali untuk aktiviti-aktiviti sepanjang tahun.

3. KEWANGAN

Kedudukan kewangan tidak berubah sebab tidak ada sumber kewangan yang bertambah.

4. KELAS MASAKAN DAN KERJA TANGAN

28.3. 87	-	Mee Jawa (Puan Rabiah)
4.9. 87	-	Apam Betawi (Puan Rabiah)
24.10.87	-	Kek Koko (Puan Norisha)
20. 6.87	-	Bakul Telor Rotan (Puan Norisha)

5. KEBAJIKAN

Seorang Ahli Pelitawanis telah mendapat cahayamata. Ahli-ahli Pelitawanis telah membuat lawatan dan menyumbangkan cenderamata.

6. AKTIVITI LUAR

Ahli Jawatankuasa Pelitawanis telah dilantik oleh AJK Kelolaan EXPO Permakanan Islam pada 30 dan 31 Januari 1988 untuk mengendalikan "Peraduan Masakan" dikalangan Kumpulan-Kumpulan Wanita yang mengambil bahagian didalam daerah Taiping.

Persatuan Pelitawanis Taiping telah menyertai pertandingan-pertandingan :

1. Masakan
2. Gubahan Bunga
3. Gubahan Coklat/Gula-Gula

Dilaporkan Oleh:

Noraini bt. Abu Bakar
Setiausaha

CAWANGAN MALIM NAWAR

AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi : Puan Ang Eng Wong
Naib Pengerusi : Puan Maria
Setiausaha : Cik Teoh Ooi Lee (1.1.1987 - 11.6.1987)
Pen. Setiausaha: Puan Zainab Satir (1.1.87 - 11.6.87)
dan menganti Setiausaha dari 11.6.1987.
Bendahari : Puan Balwant Kaur
Jawatankuasa : Puan Sakuntala (Mrs. Maniam)
Puan Shahanim bt. Abu Hassan
Puan Saleha bt. Osman
Puan Normah bt. Mat Isa
Puan Tong Kim Lee (Mrs. Mervyn)
Puan Saniah bt. Abdullah
Puan Maimunah bt. Ismail
Puan Azizah bt. Mohd. Razali

Nota: Puan Sakuntala dilantik oleh Pengerusi mengganti Pen. Setiausaha mulai Julai 1987.

Puan Maimunah bt. Ismail meletak jawatan dan beliau telah diganti oleh Puan Wong Juan Cheng mulai bulan Julai 1987.

Puan Mervyn telah bertukar ke Klang dan diganti oleh Puan Wong Yoon Choy mulai Julai 1987.

Ahli-Ahli Jawatankuasa baru dilantik oleh Puan Pengerusi dan disokong oleh AJK yang hadir.

Juruaudit : Puan Lye Beng Soon
Puan Azizah bt. Sirajah

1. KEAHLIAN

Keanggotaan Ahli : 50 orang
Isteri Pekerja : 50 orang
Pekerja : 6 orang

2. KEGIATAN-KEGIATAN SEPANJANG TAHUN 1987

Ahli-ahli Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat AJK setiap bulan sepanjang tahun 1987.

a) Kempen Anti Dadah (13.4.1987 - 18.4.1987)

Ahli Jawatankuasa Kelab Kilat telah menjemput Pelitawanis untuk mengendalikan Pameran dan Pertandingan Melukis bagi kanak-kanak LLN sempena minggu Kempen Anti Dadah. Pelitawanis juga dibenarkan menjual makanan dan minuman pada haru itu untuk mengutip wang tabung. Pengerusi telah mengucapkan terima kasih diatas kerjasama yang diberi oleh AJK dan ahli-ahli bagi menjayakan Kempen Anti Dadah itu.

seramai 10 orang ahli pelitawanis telah pergi melawat Pusat Pemulihan Dadah Wanita di Bercham, Ipoh dan telah menderma sebanyak \$30.00 (dari wang tabung) kepada Pusat itu.

b) Pesta Ria

Pelitawanis telah menganjurkan satu majlis Pesta Ria dengan cara besar-besaran pada 5.9.1987 dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang di Kelab Kilat, Malim Nawar. Gerai-gerai menjual minuman dan makanan telah dikelolakan oleh ahli-ahli sendiri dan satu gerai dikenakan bayaran \$5.00 untuk kutipan wang tabung. Untuk memeriahkan lagi majlis Pesta Ria ini, AJK telah bersetuju mengadakan Pertandingan Masakan Lauk, Biskut dan Kraftangan terbuka kepada ahli-ahli. Seorang peserta dikenakan bayaran \$1.00. Semua peserta diberi hadiah. Jualan bunga telur juga diadakan untuk derma tabung. Urusetia telah menganjurkan satu permainan teka kacang terbuka kepada semua. Hadiah-hadiah dari Pertama hingga kelima telah diberikan. Baki wang telah dimasukkan ke tabung Pelitawanis. Sambutan sungguh menggalakkan.

Sempena di hari majlis Pesta Ria itu satu pertandingan liga bolajaring juga telah diadakan - 4 pasukan telah mengambil bahagian. Pasukan Rukun Tetangga telah menjadi johan.

Penguasa Stesen Malim Nawar dan ramai lagi Pegawai-Pegawai yang telah dijemput untuk memeriahkan majlis tersebut.

c) Bola Jaring

Beberapa pertandingan bola jaring telah diadakan sepanjang tahun 1987. Sebanyak 6 kali pertandingan cawangan Malim Nawar telah menjadi tuan rumah Pasukan kita juga telah dijemput bermain di daerah Kampar bertanding dengan pasukan PERKEP dan WJ. Pasukan kita juga telah pergi ke Pusat Pemulihan Wanita di Bercham, Ipoh untuk perlawanan persababatan dengan pasukan mereka.

d) Badminton

Disebabkan ada ahli-ahli yang telah bertukar, pasukan badminton telah tidak mencukupi pemain untuk mengada pertandingan. Hanya tinggal 3 orang sahaja yang aktif dalam badminton.

e) Kelas Masakan

Kelas masakan terus diadakan tiap-tiap 2 minggu sekali. Ada juga kelas kraftangan membuat bunga. Di musim cuti penggal sekolah aktiviti-aktiviti ini terpaksa ditundakan oleh kerana kurang sambutan.

r) **Mesyuarat AGM Pelitawanis Yang Ke 12 Di Kuala Lumpur**

Pengerusi, Setiausaha dan Penolong Setiausaha telah pergi menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Yang Ke 12 di KL pada 24.4.1987 - 25.4.1987.

g) **Majlis Perpisahan**

Beberapa majlis jamuan makan malam telah diadakan sepanjang tahun 1987 kerana meraikan pertukaran AJK Pelitawanis. Cenderamata juga telah diberikan kepada mereka untuk kenangan.

h) **Yuran Bagi 1987**

Sebanyak \$1,255.00 telah dikutip dari ahli-ahli dan sebanyak \$127.50 telah dihantar ke Pelitawanis Kebangsaan Kuala Lumpur.

Dilaporkan Oleh:

Teoh Ooi Lee
Setiausaha

CAWANGAN IPOH

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Yang Di Pertua : Puan Hajjah Zainab @ Zaitoon bt. Yacob
Naib Yang Di Pertua : Puan Rashidah @ Puteh bt. Meor
Mohd. Yusof
Puan Hajjah Zuraina bt. Alias
Setiausaha Kehormat : Puan Hayatul Maziyah bt. Khalid Abbas
Pen. Setiausaha Kht. : Puan Linda Chee Soo Fong
(mulai 9/1/87 - 18/3/87
meletakkan jawatan)
: (Cik Asma bt. Saad (mulai 23/5/87
dilantik oleh Yang Di Pertua dan
Ahli Jawatankuasa)

Bendahari : Puan Rohana bt. Che Noh

Ahli-ahli Jawatankuasa : Puan Phong Choong Seng
Puan Fatimah bt. Asid (mulai 9/1/87 -
18.3.87 meletak jawatan)
Puan Noor'Aini bt. Othman
Cik Juriah bt. Abd. Wahab Fenner
Puan Wong Yuk Lun (mulai 9/1/87 -
18.3.87 tidak dapat menerima
perlantikan).
Puan R. Rajendran
Cik Zaitoon bt. Ariffin
Puan Jamaliah bt. Hamidon
Cik Kok Ying Mi
Puan Hj. Nor Emah bt. Hj. Mohd. Hashim
(Dilantik oleh Yang Di Pertua untuk
menggantikan Puan Wong Yook Lun
mulai 18.2.1987)

1. MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA PENAJA

Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 4 kali bagi tempoh 9/1/87 - 31/12/87 iaitu pada 18/2/87, 18/3/87, 23/5/87 dan 27/8/87.

<u>Pemegang Jawatan & Ahli Jawatankuasa</u>	<u>Kehadiran Mesyuarat</u>
Puan Hj. Zainab @ Zaitoon bt. Yacob	- 2 kali
Puan Rashidah @ Puteh bt. Meor Mohd. Yusof	- 4 kali
Puan Hj. Zuraina bt. Alias	- 4 kali
Puan Rohana bt. Che Noh	- 4 kali
Puan Hayatul Maziyah bt. Khalid Abbas	- 4 kali

<u>Pemegang Jawatan & Ahli Jawatankuasa</u>	<u>Kehadiran Mesyuarat</u>
Cik Asma bt. Saad	- 2 kali
Cik Juriah bt. Abd.Wahab Fenner	- 4 kali
Puan Phong Choong Seng	- 3 kali
Puan Noor'Aini bt.Othman	- 3 kali
Puan R. Rajendran	- 1 kali
Cik Zaitoon bt. Ariffin	- 4 kali
Puan Jamaliah bt. Hamidon	- 3 kali
Cik Kok Ying Mi	- 3 kali
Puan Hj. Nor Emah bt. Hj.Mohd.Hashim	- 3 kali

Jawatankuasa Penaja telah membentuk jawatankuasa-jawatankuasa kecil untuk menggerakkan Persatuan :-

2. **JAWATANKUASA KECIL SUKAN**

Pengerusi : Puan Noor'Aini bt. Othman
Setiausaha : Puan N. Rajendran

3. **JAWATANKUASA KECIL KEBAJIKAN**

Pengerusi : Puan Rohana bt. Che Noh
Setiausaha : Cik Juriah

4. **JAWATANKUASA KECIL SOSIAL**

Pengerusi : Puan Zaitoon bt. Ariffin
Setiausaha : Cik Kok Ying Mi

5. **KEAHLIAN**

Jawatankuasa Penaja telah berjaya menarik seramai 68 orang untuk menjadi ahli Persatuan Pelitawanis.

6. **AKTIVITI-AKTIVITI**

1. **Bimbingan Memasak**

- a) Demonstrasi oleh Puan Hj. Nor Emah pada 28.3.87
Masakan : Puding Hong Kui

Selingan : Demonstrasi menyusun bunga oleh
Puan Hajjah Rashidah

- b) Demonstrasi oleh National Microwave 11.7.87
Masakan : Pizza Malaysia oleh Puan Cheng Sun Mooi

Miss Cheng dari) Fresh Herbed Lamb Casserole
Microwave) Broccoli with Lemon Sauce
) Moist Carrot Cake
) Fried Mee special

c) Demonstrasi oleh National Microwave - 12.9.87

Masakan : Chiffon Santan
Sambal Kacang Bendi
Serunding Ayam
Ikan Kukus

d) Demonstrasi oleh Syarikat Impact

Masakan : Nasi Ayam
Pop Corn
Kek
Kentucky Fried Chicken

7. PENAMBAHAN ILMU

Ceramah Bidang Perubatan - 27.10.87

Tajuk : Baran Buah Dada dan Rahim Ibu
Penceramah : Dr. Hamimah bt. Idrus
B Med. Sc MBBS (Tas Australia)
MPHTM (Tulane USA)
M.I. (Biol (U.K.)
dari Klinik Safri dan Hamimah

8. KEBAJIKAN

Seramai 6 orang ahli jawatankuasa dan 5 orang ahli telah membuat kunjungan muhibbah kerumah kanak-kanak cacat di Batu Tujuh, Jalan Tanjung Tualang dan menyampaikan buah-tangan pemberian LLN sempena Ulangtahun LLN ke 38 pada 2.9.1987.

9. SOSIAL

a) Perjumpaan Hari Raya pada 13.6.1987

Persatuan telah menjemput Ketua-Ketua Jabatan LLN dan ahli-ahli serta keluarga persatuan. Seramai lebihkurang 60 orang telah hadir. Ahli-Ahli Jawatankuasa masing-masing menyumbangkan kueh muih untuk memeriahkan majlis.

b) Kempen Anti Dadah - Pertandingan Melukis Kanak-Kanak 18.4.1987

Persatuan telah dijemput membantu mengelolakan pertandingan ini sambil membawa anak-anak untuk turut serta.

c) Meraikan kunjungan Yang Di Pertua Pelitawanis Kebangsaan Yang Berbahagia Datin Suriyah Abdullah

Persatuan telah mengadakan satu majlis sarapan pagi pada 2.11.87 sebagai meraikan Kunjungan YDP Kebangsaan YB Datin Suriyah Abdullah. Seramai sembilan orang AJK dan 27 orang ahli telah hadir.

Hasil dari perjumpaan ini Persatuan telah mendapat sebuah bangunan lengkap dengan peralatan diperkarangan LLN Jalan Lahat sebagai Rumah Pelitawanis atas jasabaik YDP Kebangsaan YB Datin Suriyah.

Dilaporkan Oleh:

Hayatul Maziyah bt. Khalid Abbas
Setiausaha

CAWANGAN ILSAS

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Azizah Osman
Naib Pengerusi	:	Puan Siti Laila Sri Aseh (Sehingga 12.3.87)
Setiausaha	:	Puan Shahariah Haji Hassan
Bendahari	:	Puan Maimun Buyong
Pen. Bendahari	:	Puan Razma Abdullah
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Masdiah Moin Puan Somayah Asmawi Puan Rohamah Abd. Rahman Puan Rosmah Hussin Puan Habibah Ali Puan Maimon Abdullah Puan Rosminah Muskam Puan Nora Ismail Cik Zamrina Mat Piah

1. MESYUARAT JAWATANKUASA

Sepanjang tahun 1987, ahli jawatankuasa telah mengadakan Mesyuarat sebanyak 4 kali seperti berikut :-

Mesyuarat pertama pada 11 Februari 1987
Mesyuarat kedua pada 12 Mac 1987
Mesyuarat ketiga pada 10 Ogos 1987
Mesyuarat keempat pada 15 Disember 1987

2. KEAHLIAN

Jumlah ahli setakat 31.12.1987 ialah seramai 78 orang.

3. KEWANGAN

Kedudukan kewangan pada tahun ini tidak banyak berubah disebabkan tidak ada sumber kewangan yang dapat menambah lagi tabung kewangan selain daripada yuran tahunan dan kutipan dari Kelas Masak Memasak.

4. AKTIVITI-AKTIVITI

(1) Kelas Jahit Menjahit dan Aerobic

Kedua-dua kelas tersebut terpaksa diberhentikan kerana bilangan ahli yang mengikutinya berkurangan dari hari ke hari.

(2) Bahagian Masak Memasak dan Gubahan

Kelas masak memasak diadakan dua minggu sekali pada hari Jumaat jam 1.00 petang.

AJK Kecil ialah : Pengerusi : Puan Somayah Asmawi
AJK : Puan Rosmah Hussin
: Puan Rohamah Abd. Rahman

Berbagai masakan telah ditunjukkan kepada ahli-ahli yang berminat. Oleh kerana kami tidak mempunyai guru untuk mengajar masakan dan gubahan, ahli-ahli yang berkebolehan dalam bidang ini, dengan sukarela telah memberi tunjuk ajar.

Pada 14.2.1987, pihak Aji-No-Moto telah sudi mengadakan Demonstrasi Masakan dengan menunjukkan 3 jenis masakan. Sambutan sungguh menggalakan.

Pada 28.3.1987, pertandingan masakan peringkat cawangan telah diadakan. Seramai 12 orang ahli mengambil bahagian. Puan Hasimah Ibrahim No. Ahli 48 ILSAS (P) muncul sebagai Johan. Beliau telah mewakili ILSAS ke peraduan peringkat Kebangsaan dan telah memenangi tempat ketiga. Tahniah diucapkan kepadanya atas kemengangan tersebut dan dengan ini beliau telah mengharumkan nama Pelitawanis ILSAS.

5. PERPUSTAKAAN

Perpustakaan ini masih lagi dikendalikan oleh AJK Kecil yang lama iaitu :-

Pengerusi : Puan Razma Abdullah
AJK : Puan Muziah Mustafa

Memandangkan sambutan dari ahli dan juga anak-anak ahli sangat menggalakkan terhadap kegiatan perpustakaan. Pihak Pelitawanis telah menambah koleksi buku-buku melalui pembelian-pemebelian di pesta-pesta buku yang ada tawaran potongan harga.

6. SUKAN - BADMINTON

Sambutan tidak memuaskan. Kegiatan ini dihentikan buat sementara waktu. Walaubagaimana pun usaha sedang diambil untuk memulihkan semula kegiatan ini.

7. AKTIVITI SAMPINGAN

- 13.2. 1987 - Mengadakan rombongan ke Pamiran dan Jualan Pakaian Anjuran Pelitawanis K.L. di Ibu Pejabat LLN, K.L.
- 23.2. 1987 - Anjuran bersama Pelitawanis ILSAS dan pihak ILSAS mengadakan Majlis Ramah Mesra Penghuni Qrts. ILSAS.

- 26.4. 1987 - 8 orang ahli mengikuti kursus membuat kek/roti dan pasteri anjuran School of Hotel catering ITM.
- 14.8. 1987 - Mengadakan rombongan ke rumah Pengerusi Pelitawanis ILSAS, Puan Azizah sempena Majlis Kesyukuran.
- 21.8. 1987 - Demonstrasi Sari Ayu di Asrama Anggerik ILSAS
- 31.12.1987 - Lawatan ke RTM sempena hari terbuka jabatan tersebut.

Dilaporkan Oleh:

Shahariah Haji Hassan
Setiausaha

CAWANGAN KLANG

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Sabariah bt. Sabtu
Naib Pengerusi	:	Puan Su Siok Hua
Setiausaha	:	Puan Rohani Abas
Pen. Setiausaha	:	Puan Noor Aini bt. Hassan
Bendahari	:	Puan Hajjah Hazizah bt. Abdullah
Pen. Bendahari	:	Cik Rohaya bt. Osman
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Puan Arbiah bt. Mohamad
	:	Puan Cecilia Magness
	:	Puan Margaret Yap Guat Poh
	:	Puan Khalijah bt. Chanan Din
	:	Puan Hasnah bt. Yassin
	:	Puan Zahariah bt. Zainuddin
	:	Puan Jamilah bt. Md. Don
	:	Puan Robiah bt. Mohd. Halim
	:	Puan Siti Rohani bt. Ismail
	:	Puan Empah bt. Ahmad
	:	Puan Anne Tan
	:	Cik Lee Phaik Kim
	:	Cik Latha

1. KEAHLIAN

Jumlah ahli Pelitawanis Cawangan Klang setakat ini adalah seramai 45 orang sahaja dan seorang ahli tetap (kehormat). Jumlah ahli berkurangan disebabkan ramai ahli yang telah bertukar kerana mengikut suami.

2. MESYUARAT AGONG PELITAWANIS CAWANGAN KLANG

Mesyuarat Agong Cawangan ini telah diadakan pada 17 Okt.1987 di Klang Kelab, Jalan Istana, Klang. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Tuan Pengurus Daerah Kanan Klang - Encik Ibrahim bin Abu Bakar, PPT.

3. MESYUARAT AJK PELITAWANIS CAWANGAN KLANG

Pelitawanis Cawangan Klang telah mengadakan mesyuarat AJK sebanyak empat kali di rumah Pelitawanis Klang.

4. MESYUARAT AGONG PELITAWANIS KEBANGSAAN

Pelitawanis Cawangan telah menghantar wakil ke mesyuarat tersebut yang telah diadakan di PJ Hilton Hotel, Petaling Jaya. Seperti biasa Pengerusi dan Setiausaha Cawangan telah dipilih untuk menghadiri mesyuarat ini.

5. KEWANGAN

Kedudukan kewangan adalah memuaskan, selain dari yuran tahunan - sumber kewangan adalah dari jualan pada Hari Rumah Terbuka LLN dan tempahan jamuan.

6. **HARI TERBUKA LLN (1 September 1987)**

Pada 1.9.87 genap usia LLN yang ke 37, kali ini sambutan telah diadakan di LLN Pelabuhan Klang. Pelitawanis Cawangan Klang seperti biasa telah menyediakan jamuan pada hari tersebut.

7. **KEMPEN ANTI NAJIS DADAH**

Perlancaran minggu kempen anti najis dadah peringkat Daerah Klang telah pun dilancarkan pada 13 April 1987. Setiausaha Pelitawanis Cawangan ini telah dilantik sebagai AJK. Sempena hari tersebut berbagai acara telah diadakan seperti pameran dan ceramah serta pengakuan sendiri dari bekas penagih dadah.

8. **SUKAN**

Dalam tempoh lapuran ini, tidak ada sebarang kegiatan dalam bidang ini dijalankan, ini adalah disebabkan ramai dari ahli telah bertukar. Walau bagaimanapun usaha sedang di buat untuk mempergiatkan semua aktiviti sukan di cawangan ini.

9. **SUKANIKA**

Satu acara sukanika anjuran Kilat Kelab Klang telah diadakan di padang Kelab Kilat SJJC Kelang. Pelitawanis Klang telah menyediakan jamuan pada hari tersebut.

10. **PERPUSTAKAAN**

Perpustakaan Cawangan ini dibuka pada tiap-tiap hari Ahad jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Perpustakaan ini dikendalikan sendiri oleh anak ahli dan Pengerusinya Puan Noor Aini bt. Hassan. Koleksi buku-buku di perpustakaan ini telah ditambah.

Pengerusi perpustakaan akan membawa ahli-ahlinya melawat Perpustakaan Negeri di Shah Alam dan melawat sekitar bandar Shah Alam.

11. **SOSIAL**

Berbagai masakan telah diajar kepada ahli-ahli yang berminat. Kelas ini diadakan dua kali sebulan, tiap-tiap hari Sabtu bermula jam 3.00 petang. Aktiviti ini diadakan di rumah Pelitawanis. Masakan yang telah dipelajari:-

1. Apam Tepung Beras
2. Kek Puteri
3. Talam Berlauk
4. Mertabak Cream Crackers
5. Kek Sabah Batik
6. Lapis Chestnut
7. Apam Mentega
8. Kueh Carah Berlauk.

12. **LAWATAN**

Pada 3 dan 4 April 1987 Pelitawanis Klang telah membuat lawatan sambil berkelah ke Port Dickson. Kami telah mengadakan perlawanan persahabatan bola jaring dengan Pelitawanis Cawangan Port Dickson. Kami juga telah berkenal mesra dengan ahli-ahli Pelitawanis Cawangan Port Dickson di rumah Pelitawanis sambil menikmati jamuan dan bertukar cenderamata.

12. **DERMA DARAH**

Pelitawanis Klang telah menganjurkan Kempen Derma Darah untuk tabung darah Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang. Kepada yang menderma jasa bakti amatlah disanjung tinggi, moga-moga mereka akan menderma lagi apabila diperlukan dimasa akan datang.

Pelitawanis Cawangan Klang sentiasa bergabung erat dengan Persatuan-Persatuan lain di LLN. Klang. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kami kepada Pengurus Daerah Kanan yang sentiasa mengambil berat tentang aktiviti kami di Cawangan Klang ini.

Dilaporkan Oleh:

Rohani bt. Abas
Setiausaha

CAWANGAN CAMERON HIGHLANDS

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

- | | | |
|-------------------|---|------------------------|
| 1. Pengerusi | : | Puan Zaiton bt. Yunus |
| Naib-Pengerusi | : | Puan Suwarni bt. misu |
| Setiausaha | : | Puan Rozita bt. Johari |
| Pen. Setiausaha | : | Puan Sandra Arul Dass |
| Bendahari | : | Puan Rokiah Mokhtar |
| Pen. Bendahari | : | Puan Maznah bt. Ishak |
| Ahli Jawatankuasa | : | Puan Selvam |
| | : | Puan Pritam singh |
| | : | Puan Nizelah Salleh |
| | : | Puan Vasantha Devi |
| | : | Puan Azizah bt. Rejab |
| | : | Puan Fatimah Zul |
| | : | Puan Hamimah Shafiee |
| | : | Puan Elezabeth |
| | : | Puan Zainun bt. Jamil |
| | : | Puan Pakiam |
| Juruaudit | : | Cik Chan Swee Chin |

Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan disepanjang tahun 1987 adalah seperti berikut :-

1. Satu lawatan beramah mesra dengan Ahli-Ahli Pelitawanis Bintang, Cameron Highlands telah diadakan. Seramai 10 orang ahli telah menjayakan lawatan serta perjumpaan tersebut. Diakhir lawatan pertukaran cenderamata telah disampaikan.
2. Ahli-ahli Pelitawanis juga telah diberi peluang untuk menyediakan minuman ringan bagi Mesyuarat Agong, Kelab Kilat Woh bertempat di Kelab Kilat, Batu 8 Woh.
3. Menyediakan minuman serta kueh semasa Mesyuarat hari Terbuka sebanyak dua kali di Bilik Mesyuarat, S.J. Sultan Yussuf Jor.
4. Menyediakan kueh-mueh semasa Lawatan Encik Mohd. Ariffin bin Abdul Rahman iaitu Timb. Pengurus besar (Perancang Pembangunan) semasa lawatan beliau ke stesen-stesen Janaelektrik, Cameron Highlands.
5. Ahli-ahli Pelitawanis telah diberi peluang untuk menyediakan makan tengahari bagi pekerja-pekerja LLN yang bertugas pada Hari Terbuka tersebut. Ahli-ahli Pelitawanis juga telah mengadakan jualan murah serta jualan kueh-mueh dan bunga di Kelab Kilat Jor dan Kelab Kilat Woh.

Kesemua keuntungan-keuntungan dari aktiviti-aktiviti yang telah dinyatakan adalah untuk kutipan tabung Pelitawanis.

Disepanjang tahun 1987, Persatuan Pelitawanis tidak dapat bergiat dengan cergas. Ini adalah disebabkan tidak ada kemudahan kenderaan dan ini begitu menimbulkan masalah.

Walau bagaimanapun, kami akan berusaha untuk mengasingkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan diantara Woh dan Jor dan dengan itu masalah kenderaan tidak timbul.

Setakat ini Persatuan Pelitawanis telah mengadakan sebanyak lima kali Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. Tiap-tiap kali mesyuarat tersebut telah diadakan di Kelab Kilat Jor dan juga Bilik pelitawanis di Batu 8 Woh.

Buat masa ini ahli-ahli Persatuan Pelitawanis adalah seramai 46 orang ahli dan tidak ada ahli yang berhenti atau pun bertukar dan bersara.

Dilaporkan Oleh:

Rozita bt. Johari
Setiausaha

CAWANGAN BINTANG

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

- | | | | |
|----|-------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Pengerusi | : | Puan Zaitun bt. Salleh |
| | Naib-Pengerusi | : | Puan Ruzaini bt. Zainal Abidin |
| | Setiausaha | : | Cik Razipah bt. Alias |
| | Pen. Setiausaha | : | Puan Norriah bt. Hassan |
| | Bendahari | : | Puan Aminah bt. Mohamed |
| | Ahli Jawatankuasa | : | Puan Rosmini bt. Ismail |
| | | : | Puan Radziah bt. Hj. Abdullah |
| | | : | Puan William Wooi |
| | | : | Puan Malarvelli |
| | Juruaudit | : | Encik Kamarozaman b. Kamarudin |

2. KEAHLIAN

Keanggotaan ahli setakat tahun 1987, 29 orang, 2 orang ahli mengikut suami bertukar dan 4 orang ahli baru. Walaupun cawangan ini agak kecil tetapi keseluruhan isteri pekerja dan pekerja (100%) telah menjadi ahli.

3. AKTIVITI-AKTIVITI BAGI TAHUN 1987

- 16.1.87 - Demonstrasi masakan 'Acar Sayur-Sayuran' oleh Puan Aminah.
- 27.2.87 - Demonstrasi masakan 'Kek Sarang Lebah' oleh Puan Asiah Ali.
- 16.3.87 - Mesyuarat Agong Ke 4.
- 23.3.87 - Demonstrasi masakan 'Chicken Chop' oleh Encik Etickan.
- 10.4.87 - Menerima kunjungan dari ahli-ahli Pelitawanis Cawangan Cameron Highlands (Woh).
- 25.4.87 - Menghantar 2 orang wakil ke Mesyuarat Agong Tahunan Ke 12 di Kuala Lumpur.
- 28.4.87 - Demonstrasi masakan 'Muruku' oleh Puan Letchumy.
- 11.7.87 - Meraikan pemain-pemain Netball (LLN) dari K. Lumpur.
- 17.7.87 - Demonstrasi masakan 'Solok Cabai' oleh Puan Radziah dan Puan Norhanizah.
- 17.8.87 - Demonstrasi masakan 'Mee Rebus' oleh Puan Ruzaini.
- 1.9.87 - Jualan masakan dihari Terbuka LLN.
- 18.9.87 - Demonstrasi masakan 'Kuih Cara Berlauk' oleh guru dari luar (Puan Faridah).
- 28.9.87 - Demonstrasi masakan 'Biskut Buah Pala' oleh Puan Zaitun.

- 1.10.87 - Kunjungan balas - Berkelah di Batu 7, Tapah.
- 8.12.87 - Demonstrasi masakan 'Kerutup Ikan Tenggiri' oleh Puan Safiah.
- 27.12.87- Demonstrasi masakan 'Puding Pisang' oleh guru dari luar (Tengku Maisarah)
- 12.9.87 - Meraikan kunjungan ahli-ahli Pelitawanis Port Dickson.

4. **KEWANGAN**

Kedudukan kewangan adalah memuaskan. Berbagai-bagai cara telah diikhtiarkan untuk menambah tabung kewangan selain dari yuran tahunan seperti keuntungan dari hasil demonstrasi (masakan) dan kutipan sewa rumah Pelitawanis.

5. **KEBAJIKAN**

Ahli-ahli pelitawanis telah membuat lawatan dan menyumbangkan cenderamata kepada ahli pelitawanis yang mendapat cahayamata juga majlis perpisahan untuk ahli-ahli yang bertukar.

Ahli-ahli juga mengambil bahagian dalam menyediakan juadah-juadah untuk kelas ugama di surau stesen ini.

6. **AKTIVITI SOSIAL YANG LAIN**

Mengadakan kunjungan balas ke Batu 7, berkelah bersama ahli-ahli pelitawanis dari Woh.

Persatuan Pelitawanis mengambil kontrak untuk mengelolakan jamuan bagi kakitangan Lembaga yang melansungkan perkahwinan.

Menyertai penjualan makanan dan minuman di hari Terbuka LLN. Mengadakan majlis perjumpaan Hari Raya.

Meraikan tetamu-tetamu seperti pemain-pemain Netball LLN dan Kuala Lumpur, Pelitawanis cawangan Cameron Highlands (Woh) dan Pelitawanis Port Dickson.

Ahli-ahli juga mengikuti kelas ugama pada setiap minggu yang dianjurkan oleh Puspanita dan kelas masakan oleh W.I. dan UMNO dan juga mengikuti kursus ugama untuk kaum wanita seluruh daerah Cameron Highlands.

Dilaporkan Oleh:

Razipah bt. Alis
Setiausaha

CAWANGAN SEREMBAN

1. KEAHLIAN

Pada keseluruhannya tidak banyak perubahan kepada keanggotaan ahli Pelitawanis dalam tahun 1986/87. Mengikut rekod terdapat seramai 48 orang yang didaftarkan. Banyak pertukaran telah berlaku dikalangan ahli.

2. MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

Sepanjang tahun 1986/87 Pelitawanis telah dapat mengadakan lapan kali Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. Bilangan mesyuarat berkurangan disebabkan Pen. Pengerusi tidak dapat mengurus mesyuarat disebabkan masalah kesihatan, oleh kerana tiada Naib Pengerusi, Mesyuarat AJK tidak dapat dijalankan.

3. AKTIBITI-AKTIVITI PERSATUAN

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

a) PERMAINAN BOLA JARING

Pada awal tahun dan reda pada akhir tahun oleh kerana tiada sambutan.

b) PERMAINAN BADMINTON

Dimulakan pada akhir tahun, juga reda disebabkan tiada sambutan.

c) Mengadakan jualan kuih-muih pada hari terbuka LLN.

d) Mengadakan kelas rawatan muka oleh Jafra Consultan dan Alovera.

e) Mengadakan Demonstrasi membuat kuih.

Dilaporkan Oleh:

Nurul Huda
Setiausaha

CAWANGAN MELAKA

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Aminah bt. Md. Nor
Naib Pengerusi	:	Puan Rozana Roslan
Setiausaha	:	Puan Rahmah Hj. Lassim
Pen. Setiausaha	:	Cik Rohani Samrit
Bendahari	:	Puan R. Chelvarajah
Pen. Bendahari	:	Puan Chnthia G. Young
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Radiah Ahmad Puan Susan Bernard De Silva Puan Faridah Ali Puan Laili Kadir Puan Faezah Datok Mohd. Salleh Puan Sara Bee Hussein Puan Khadijah Md. Said Puan Tee Gang San
Juruaudit	:	Puan D. Devadas Puan Norliah Mohd. Nor

1. KEANGGOTAAN

Keanggotaan ahli setakat tahun 1987 adalah seramai 60 orang sahaja dan dari Tg. Kling 20 orang. Ini adalah berikutan dengan penutupan Stesen Janaelektrik Tg. Kling yang mana ramai daripada ahli-ahlinya telah bertukar kerana mengikuti suami mereka.

2. PENTADBIRAN

2.1. Mesyuarat Jawatankuasa

Disepanjang tahun 1987, terdapat sebanyak 4 kali Mesyuarat Jawatankuasa Pelitawanis dan satu kali Mesyuarat Jawatankuasa Khas telah diadakan. Ianya adalah dibutirkan seperti berikut :-

Mesyuarat Pertama	-	15.4. 87
Mesyuarat Kedua	-	18.8. 87
Mesyuarat Ketiga	-	16.10.87
Mesyuarat Keempat	-	19.1. 88
Mesyuarat Khas	-	15.2. 88

2.2. Mesyuarat Agong pada 31.3.1987

Mesyuarat Agong telah diadakan pada 31.3.87 dan telah dihadiri oleh seramai lebihkurang 40 orang.

3. KEWANGAN

Kedudukan kewangan adalah memuaskan. Beberapa aktiviti telah diadakan bertujuan untuk menambahkan lagi tabung kewangan, seperti penjualan "key chain", T-Shirt. Beberapa tempahan untuk jamuan-jamuan teh juga masakan telah diterima.

4. AKTIVITI-AKTIVITI

- ** 5.1 Beberapa kelas jahitan/memasak telah diadakan bagi ahli-ahli Pelitawanis di Daerah Melaka dan juga di Tanjung Kling pada setiap minggu. Kelas-kelas ini telah berjalan dengan lancarnya.
- 5.2 Kelas Tadika yang sedang beroperasi di Kuarters Tg. Kling kini mempunyai seramai lebihkurang 30 orang murid. Ianya sedang berjalan dengan licin dan memuaskan. Kelas tersebut adalah diatas anjuran Jabatan Kemas.
- 5.3 Sukan - Badminton
- Beberapa permainan (latihan) telah diadakan pada penghujung minggu untuk ahli-ahli pelitawanis.
- 5.4 Jamuan Makan Tahunan
- Jamuan Tahunan tersebut telah diadakan di Hotel Midtown. Pertunjukan fesyen dan aerobic telah dipersembahkan di malam tersebut sebagai acara selingan.

** Bahagian Masakan

1. Biskut Daun Limau Purut
2. Biskut Rabita
3. Masakan Boria
4. Kerepek Pisang
5. Acar Daging Panggang
6. Kek Kelapa
7. Kek Nenas
8. Puding Nangka
9. Bangkit Sagu dan lain-lain.

Bahagian Kerjatangan

1. Belajar membuat bunga ros dari tali rafia
2. Belajar membuat gubahan bakol dari kain telekong
3. Belajar membuat bunga putar alam dari ribbon
4. Belajar membuat rantai dari manik.

Dilaporkan Oleh:

Rahmah Hj. Lassim
Setiausaha

CAWANGAN BATU PAHAT

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Rubiah Bte. Othman
Naib Pengerusi	:	Puan Noriani
Setiausaha	:	Puan Saleha bte. Baba
Pen. Setiausaha	:	Puan Kok Fook Lian
Bendahari	:	Cik Sanah bte. Sulaiman
Setiausaha Kebajikan	:	Puan Alimah bte. Kamil
Pen. Setiausaha Kebajikan	:	Puan Fatimah bte. Talib
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Aminah bte. Othman
		Puan Zaleha
		Puan Fatimah bte. Ali
		Puan Wan Tipah
		Puan Salbiah
		Puan Lechumi
		Puan Ong ching Yau
		Puan Zaharah bte. Siran
		Puan Somu
		Puan Azizah
		Puan Maniseh

1. KEAHLIAN

Jumlah ahli-ahli setakat ini ialah 88 orang. Pelitawanis Batu Pahat sudah masuk ke tahun kesembilan dan seperti tahun yang lalu kegiatan Pelitawanis juga berjalan dengan licin.

2. AKTIVITI SUKAN

Pelitawanis Batu Pahat masih belum menubuhkan satu pasukan Badminton. Baru-baru ini Kilat Kelab telah membuat satu gelanggang Bola Jaring dan satu pasukan bola jaring pun mula ditubuhkan oleh Pelitawanis Batu Pahat. Saorang jurulatih dijemput untuk mengajar ahli-ahli. Kami mengucapkan terima kasih kepada Kilat Kelab.

3. KELAS MEMASAK

Berbagai masakan telah ditunjukkan kepada ahli-ahli oleh seorang guru daripada Rengit dan sambutan dari Ahli-ahli amat menggalakkan.

Puan Alisah telah mewakili Batu Pahat didalam Pertandingan Memasak Tahun 1987. Walaupun beliau tidak mendapat tempat didalam pertandingan ini, kita harap beliau jangan putus hati dan cuba sekali lagi dimasa hadapan.

4. DEMONSTRASI LIQUID EMBROIDERY

Hobbycraft Marketing (M) Sdn. Bhd. telah membuat satu demonstrasi berkenaan sulaman cecair atau liquid embroidery. Ahli Pelitawanis turut hadir dalam pertunjksn ini dan tidak ketinggalan membuat tempahan.

5. KERJA KEBAJIKAN

Ahli-ahli Jawatankuasa dan wakilnya terus membuat lawatan dan membawa hadiah bagi ahli yang bersalin dan juga kepada anak-anak ahli ahli yang masuk ke hospital untuk menjalinkan semangat muhibbah dan ucapan agar cepat sembuh.

Dilaporkan Oleh:

Saleha bt. Baba

CAWANGAN PASIR GUDANG

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Aminah Sulaiman
Naib Pengerusi	:	Puan Patsy Lee Kim Kin
	:	Cik Rohana Abd. rahman
Setiausaha	:	Puan G. Athirai
Bendahari	:	Puan Ros Rajendra
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Dava Mary
	:	Puan Rosnah Md. Salleh
	:	Puan Lailawati Bakri
	:	Puan Suriati Abdullah
	:	Puan Baiyah Md. Said
	:	Puan Fatimah Abdul Hamid
	:	Puan Zaharah Kadiman

1. KEAHLIAN

Cawangan ini yang dianggotai oleh keahlian sebanyak 70 orang telah mengadakan 11 kali mesyuarat AJK untuk membincang kegiatan dan aktiviti-aktiviti persatuan ini.

Puan Ros Rajendra telah meletakkan jawatannya sebagai Bendahari. Beliau ingin menjadi ahli jawatankuasa. Tempat beliau telah diganti oleh Cik Rohana Abd. Rahman. Sementara Puan Azizah Anuar telah dilantik sebagai AJK baru menggantikan tempat Puan Fatimah Abd. Hamid yang telah meletak jawatan kerana mengikut suami bertukar ke Stesen Janaelektrik Prai.

UMNO cawangan SJSI telah menyumbangkan sebuah peti sejuk untuk Pelitawanis.

Cawangan ini telah membuka Akaun Semasa di Bank Bumiputra, Cawangan Pasir Gudang.

2. AKTIVITI

1. Minggu Kempen Anti dadah - 13.4 - 18.4.1988

Pelitawanis telah dilantik sebagai AJK Persatuan ini yang di pengerusikan oleh En. Yahya Abd. Ghani, Penguasa Stesen, Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar, Pasir Gudang. Sempena minggu Kempen Anti dadah, beberapa aktiviti telah diadakan :-

- a) Ceramah dan Tayangan
- b) Pameran
- c) Edaran Risalah dan Poster
- d) Pertandingan Poster untuk Kanak-Kanak kakitangan-kakitangan.
- e) Sukan dan Kegiatan Rekreasi.

Pada 18/4/87 ahli-ahli Pelitawanis dan keluarga telah mengambil bahagian dalam acara sukan. Sambutan sungguh memuaskan. Untuk kanak-kanak satu pertandingan seni lukis diadakan. Dua orang Pengadil telah dijemput untuk mengadil peraduan ini. Untuk memeriahkan lagi hari tersebut diatas, satu perkelahan keluarga diadakan di tepi pantai stesen ini. Pelitawanis telah membuka gerai-gerai jualan minuman dan makanan. Pihak Stesen telah menyediakan pengangkutan pergi balik ke rumah dan ke stesen.

3. **Jamuan Makan Malam - 10.4.87**

Pelitawanis telah bergabung dengan Kelab Kilat pada hari tersebut. Satu lelong belanda telah diadakan untuk menambah tabung pelitawanis.

4. **Peraduan Memasak Peringkat Kebangsaan 1987**

Cawangan ini telah menghantar Puan Suriati Abdullah untuk bertanding di Peraduan Memasak Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur.

5. **Hari Terbuka LLN - 1.9.87**

Pada hari tersebut Pelitawanis telah membuka gerai jualan makanan dan minuman. Ahli-ahli pelitawanis serta keluarga telah diberi pengangkutan pergi balik kerumah ke stesen.

6. **Berkelah di Teluk Mahkota - 23.10.1987**

Pelitawanis telah bergabung dengan Kelab kilat untuk berkelah di Teluk Mahkota. Sambutan memuaskan.

7. **Kelas Memasak**

1. Jenis Lauk/Pauk - Ayam Masak Sapit - Cikgu Azizah - 1.8.87
2. Jenis Lauk/Pauk - Nasi Beriyani - Cikgu Azizah -22.8.87
3. Jenis Lauk/Pauk - Acar Rampai - Cikgu Azizah -22.8.87
4. Jenis Kuih/Muih - Trifel Ayu - Cikgu Azizah -20.9.87
5. Jenis Kuih/Muih - Kaysuri Puding - Pn Dava Mary-20.11.87
6. Jenis Lauk/Pauk - Ayam Goreng Lada - Pn Priscilla Ng -7.11.87
7. Jenis Kuih/Muih - Karipap Pusing - Pn Sharipah -

8. **Pelancaran Rasmi Pelitawanis, Tadika, Perpustakaan**

Tanggal 7 Februari 1988 merupakan tarikh pelancaran rasmi Pelitawanis Tadika dan Perpustakaan Cawangan ini oleh Yang Berbahagia Datin Suriyah Abdullah selaku Yang Dipertua Pelitawanis Kebangsaan. Sempena lawatan beliau beberapa acara menarik telah diadakan dicawangan ini :-

1. Pertandingan Memasak - Lauk/Pauk dan Kuih/Muih
2. Gubahan - Lipatan Tuala
3. Pertunjukan Fesyen Pakaian Pengantin.

Diakhir lawatan tersebut, satu jamuan kecil diadakan dan cenderamata diberi kepada Datin Suriyah Abdullah sebagai tanda kenangan.

9. Pengerusi Bertukar ke PAKA

Memandangkan Pengerusi Cawangan ini, Puan Aminah Sulaiman telah berpindah ke PAKA pada 13 Februari 1988 mengikut suami beliau Encik Yahya Abdul Ghani, Penguasa Stesen disini. Tempat beliau diambilalih oleh puan Patsy Lee Kim Yin.

Jamuan perpisahan untuk beliau telah diadakan disalah' sebuah Restoran disini. Satu cenderamata telah diberi sebagai tanda kenangan.

Dilaporkan Oleh:

G.Ahirai
Setiausaha

CAWANGAN JOHOR BHARU

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

1. Pengerusi : Puan Hajjah Nooral md. Salleh
Naib Pengerusi : Puan Faridah Salleh
Setiausaha : Cik Rahman Hj. Abd. Rahman
Pen. Setiausaha : Puan Maimunah Sarijan
Bendahari : Cik Jarah Hj. Ali
Ahli-Ahli Jawatankuasa : Puan Kamariah Dawi
Puan Hasnah Abd. Hadi
Puan Fadzilah Johari
Puan Ramlah Ismail
Puan Mahiran Abd. Rahman
Cik Norzelah Mohamad
- Juru Audit : Puan Zaleha Hj. Abd. Rahman
Cik Kunavathi

Pelitawanis LLN Daerah Johor Bahru telah mengadakan mesyuarat sebanyak lapan kali dengan di pengerusikan oleh puan Hajjah Nooral binti Md. Salleh.

2. KEAHLIAN

Cawangan Daerah Johor Bahru setakat ini mempunyai sebanyak 50 orang iaitu 17 orang pekerja dan 33 orang isteri pekerja. Kekurangan ahli ialah kerana ramai ahli yang bertukar mengikuti suami ataupun bersara. Bagaimanapun dengan ahli yang ada, kami berusaha menjalankan berbagai aktiviti.

3. KELAS GUBAHAN

Puan Noriah Md. Noor telah dijemput untuk mengajar ahli membuat gubahan. Gubahan yang dipilih ialah dari sehelai tuala mandi. Dari tuala digubah menjadi seekor 'Teddy Bear' dan juga sebakul buah-buahan. Gubahan ini sesuai untuk menjadi salah satu dari bahan hantaran di majlis perkahwinan.

4. SYARAHAN UGAMA

Puan Sharifah Fatimah dari PERKIM telah dijemput untuk memberi syarahan Ugama bertajuk 'Peranan Isteri Terhadap Suami' yang mana telah mendapat sambutan dari ahli-ahli kami.

5. SUKAN

Pelitawanis Daerah masih lagi aktif di bidang Badminton. Latihannya diadakan di Dewan Kelab Kilat LLN di Jalan Yahya Awal, Johor Bahru. Pada tiap-tiap hari Selasa dan Jumaat mulai pukul 4.00 - 7.00 petang. Pihak Pelitawanis sering mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Mawar Johor Bahru, pasukan Tengku Shariah dan juga artis-artis Singapura.

6. **HARI TERBUKA LLN (1 SEPTEMBER 1987)**

Pada 1.9.1987 genaplah 38 tahun usia Lembaga. Pada hari terbuka ini, berbagai acara diadakan. Pelitawanis daerah Johor Bharu juga tidak ketinggalan turut serta menjayakan hari terbuka LLN dengan mengadakan gerai-gerai makan dan hasil kerjatangan Pelitawanis.

7. **PERJUMPAAN HARI RAYA**

Kami ahli-ahli Jawatankuasa mengadakan perjumpaan Hari Raya di bilik Pelitawanis. Kami sediakan ketupat, rendang dan juga kuih muih. Suasana meriah dan riang tergambar dari ahli-ahli kami.

8. **KERJA KEBAJIKAN**

JAMUAN MINUM PETANG DISEKOLAH PRINCESS ELIZABETH

Pada tanggal 23 ogos 1987, kami ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli juga tidak ketinggalan membuat kerja amal. Ahli kami telah menghabiskan masa minum petang dengan melawat serta bermesra dengan kanak-kanak sekolah tersebut. Kami menyediakan minum petang untuk semua kanak-kanak di sekolah berkenaan seramai seratus orang. Penguasa Sekolah Princess Elizabeth mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi kami kerana terharu dengan layanan kami yang mesra serta makanan yang kami hidangkan. Tidak ketinggalan kami berikan 'ice cream' yang mana menjadi kegemaran kanak-kanak di sekolah ini. Ini adalah sumbangan ikhlas dari seorang dermawan kami.

9. **MELAWAT AHLI YANG SAKIT DAN BERSALIN**

Ahli-ahli Jawatankuasa telah membuat lawatan dan membawa hadiah bagi ahli kami yang bersalin dan juga sekalung bunga untuk ahli yang dirawat di Hospital Pakar.

10. **MAULUD NABI S.A.W.**

Ahli Jawatankuasa telah menyumbangkan sebanyak 300 bunga telur untuk para jemputan pada malam sambutan Maulud Nabi S.A.W.

Dilaporkan Oleh:

Rahmah b. Abdul Rahman
Setiausaha

CAWANGAN MUAR

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987/88

1. Pengerusi : Puan Kamariah bt. Khalid
Naib Pengerusi : Puan P.D. Mary
Setiausaha Kht. : Puan Rashidah bt. Abd. Rashid
Bendahari Kht. : Puan Lily Tan Grk Neo
Ahli-Ahli Jawatankuasa : Cik Tay Chew Eng
: Puan Saamah bt. Yaacob
: Puan Norsimah Mohamed
: Puan Phang
: Puan Normah Ahmad
: Puan Rubiah Mohamed
: Puan Noraini Abu Bakar
: Puan Sim Poh Tiang

Jurutaip : Puan Zainab bt. Mohamed

Juru Audit : Puan Maisharah bt. Mohamed
: Puan Saidah bt. Haji Yusof

Penjaga Khutub Khanah : Puan Agnes

2. KEAHLIAN

Jumlah ahli Pelitawanis Muar berkurangan memandangkan ada yang bertukar mengikut suami dan berhenti kerana suami-suami mereka telah bersara. Setakat hari ini ahli dari Muar ialah 91 orang dan 5 orang dari Tangkak dan jumlah keahlian semuanya ialah 96 orang sahaja.

3. AKTIVITI

Pada tahun 1987 selepas Hari Raya Puasa Pelitawanis Muar telah memulakan kelas aerobik di bilik Pelitawanis sendiri. Persatuan telah mengeluarkan perbelanjaan yang agak besar untuk menyiapkan perkakas-perkakas bagi memulakan kelas tersebut. Kelas tersebut diadakan sebanyak dua kali dalam seminggu iaitu pada hari Isnin dan Khamis mulai pukul 5.00 hingga 6.00 petang. Sambutan pada peringkat awal sungguh hebat tetapi setakat hari ini cuma agak memuaskan sahaja. Persatuan telah mengambil seorang guru Puan Teo untuk mengajar ahli-ahli yang menghadiri kelas ini. Bayaran untuk tiap-tiap ahli ialah \$10/- sebulan.

4. Pada 17.10.1987 Pelitawanis Muar telah menerima tawaran untuk menghadiri Kursus Wanita Jiran di Bangunan UMNO, Jalan Meriam, Muar. Kursus telah dihadiri oleh Puan Pengerusi sendiri, Naib Pengerusi dan Setiausaha. Kursus sehari ini sedikit sebanyak dapat memberi bimbingan yang berguna kepada kami untuk memperluaskan lagi pengetahuan kami kepada semua ahli-ahli Pelitawanis mengenai "wanita jiran".

Disepanjang tahun ini Pelitawanis Muar juga tidak menerima tawaran-tawaran memasak. Untuk mendapatkan sedikit wang, persatuan telah memutuskan untuk membuat jualan bulanan untuk mengutip duit tabung Pelitawanis. Dengan itu persatuan telah memulakan jualan bulanan pertama pada 12.2.1988 lalu dan mendapat sedikit keuntungan. Dihari yang sama juga Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam LLN Muar telah meminta Pelitawanis menyediakan minuman ringan untuk 50 orang.

BADMINTON

Hari untuk latihan badminton bagi ahli-ahli Pelitawanis masih lagi diteruskan pada tiap hari Jumaat dari jam 4.30 petang hingga 7.30 petang. Hanya ada 3 - 4 orang sahaja ahli muda yang masih bergiat dibidang ini maka sambutan agak dingin sedikit. Walau bagaimanapun diharap ahli-ahli lain dapatlah bersama-sama supaya gelanggang yang diberi oleh Kelab Kilat tidak ditarik balik.

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Pelitawanis muar dibuka untuk anak-anak ahli pada tiap-tiap hari Sabtu dari jam 9.00 hingga 11.00 pagi. Kedatangan murid-murid setiap minggu sungguh memuaskan. Pengawas Perpustakaan Puan Agnes juga sempat mengambil separuh masa di perpustakaan untuk mengajar Bahasa Inggeris kepada murid-murid yang hadir dengan sukarela. Beliau juga masih menunggu buku-buku dari Kuala Lumpur dimana buku-buku tersebut adalah penukaran buku-buku dari Muar.

Mesyuarat Agong Pelitawanis Muar akan diadakan pada 25.3.1988 ini.

Dilaporkan Oleh:

Rashidah bt. Abd. Rashid
Setiausaha

CAWANGAN RAUB

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

1. Pengerusi : Puan Noor Rani bt. Hj. Zain
Naib Pengerusi : Puan Zaedah bt. Zainal Abidin
Setiausaha : Cik Maznah bt. Selamat
Pen. Setiausaha : Puan Umi Kalthom bt. Kenek
Bendahari : Puan Norulhuda bt. Ismail
Ahli-Ahli Jawatankuasa : Puan Raja Fatimah
Puan Zuriah bt. Hj. Yusof
Puan Devaki
Puan Jothimani
Puan Noraini bt. Jonid
Puan Ramlah bt. Jaafar
Puan Sapiah bt. Mahiran
Puan Robiah bt. Ishak
- Juru Audit : Puan Salmah bt. Harun
Puan Robiah bt. Ishak

Berikut adalah lapuran ringkas kegiatan dan kedudukan serta perkembangan Persatuan Cawangan Raub.

1. KEAHLIAN

Cawangan setakat ini mempunyai seramai 59 orang. Usaha sedang dijalankan untuk menambah lagi bilangan ahli.

2. MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa telah diadakan sebanyak enam kali untuk membincangkan kegiatan-kegiatan cawangan ini. Tarikhnya adalah seperti berikut:-

27 Jun 1987, 27 Julai 1987, 28 Sept. 1987, 30 November 1987,
15 Disember 1987 dan 29 Februari 1988.

3. KELAS MASAKAN DAN KRAFTANGAN

Kelas masakan dan kraftangan telah diadakan dua kali dalam sebulan iaitu pada hari Sabtu jam 3.00 petang di Rumah Pelitawanis/ Kelab Kilat. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada ahli sendiri dan ada kalanya menjemput khas guru masakan dari luar.

4. KEGIATAN SOSIAL

- i) Jamuan Hari Raya telah diadakan pada 18.6.1987.
- ii) Mengadakan perlawanan (indoor game) pada 2.8.87
- iii) Peraduan melukis untuk anak-anak ahli dan gubahan bunga untuk ahli diadakan pada 9.8.87.

- vi) Penjualan makanan dan kraftangan sempena hari Terbuka LLN pada 2 dan 3 September 1987.
- v) Gotong-royong menanam bunga di Kelab Kilat pada 12.9.1987. Ahli-ahli juga telah menderma satu pasu bunga setiap seorang untuk mengindahkan perkarangan pejabat.
- vi) Pentas Ria juga diadakan pada 15.12.87 di rumah Pelitawanis/Kilat. Berbagai acara telah diadakan.

5. **KEGIATAN SUKAN**

- i) Mengadakan perlawanan persahabatan bola jaring bersama peraturan bekas pelajar Sek. Men. Keb. Sungai Koyan Dua pada 19.3.87.
- ii) Perlawanan bola jaring bersama pasukan Kampong Segga pada 6.9.87.

Dilaporkan Oleh:

Maznah Selamat
Setiausaha

CAWANGAN STESEN JANA ELEKTRIK JABATAN CONNAUGHT

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

1. Pengerusi : Puan Ungku Mariam bt. Ungku Mahmood
Naib Pengerusi : Puan Hapsah Hassan
Setiausaha : Puan Norshalihaton A. Rahman
Bendahari : Puan Jamliah Suwondor
Pen. Bendahari : Puan Faridah A. Rahman
Ahli-Ahli Jawatankuasa : Puan Halimah Ali
Puan Zainab Husin
Puan Jumaah Abu
Puan R. Sarojini
Puan Esah Basaruddin
Puan Halijah Sulong
Puan Saniah Mohd. Nor
Puan Elly Mewyn
Puan Rosnah Selamat
- Juru Audit : Puan Khana
Puan Noraidah Dali

Berikut adalah lapuran ringkas kegiatan dan kedudukan serta perkembangan Persatuan Pelitawanis SJJC. Klang.

1. KEAHLIAN

Cawangan SJJC, setakat ini mempunyai seramai 52 orang ahli iaitu 3 orang pekerja dan 49 orang isteri pekerja.

2. MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

Ahli-Ahli Jawatankuasa cawangan 1987/88 telah mengadakan mesyuarat bulanan sebanyak 10 kali sepanjang tahun.

3. SOSIAL

- 1) Lawatan dan rombongan ke Cameron Highlands.
- 2) Lawatan dan rombongan ke Port Klang- Kapal Buku.
- 3) Membuka gerai jualan di hari Terbuka LLN (1 Sept.)
- 4) Membuka gerai jualan di hari pertandingan Terbuka Bola Jaring
- 5) Demonstrasi Kecantikan Amway, Neutra Avvay, Jamu, Masakan, Kraftangan dan gubahan bunga.
- 6) Sambutan Nuzul Quran di bulan Ramadhan.
- 7) Sambutan Perayaan/Jamuan Hari Raya Puasa.
- 8) Jamuan Malam Mesra November 1987.
- 9) Jamuan Krismas, Tahun Baru Cina Januari 1988.

4. **PELAJARAN**

1. Demonstrasi-demonstrasi masakan, kraftangan dan gubahan bunga.
2. Sudut bacaan dalam proses menubuhkan mini perpustakaan.
3. Ceramah Agama.

5. **SUKAN**

1. Perlawanan-perlawanan persahabatan dengan pergerakan dan persatuan belia, wanita setempat kerap diadakan.
2. Pertandingan untuk ahli dalam acara badminton untuk merebut Piala Ungku Mariam.
3. Pertandingan Terbuka Bola Jaring "Piala Pelitawanis SJJC".

Acara sukan dan permainan yang telah sebanyak sedikit buat masa ini memberi peluang kepada masyarakat luar diperkenalkan kepada Pelitawanis SJJC.

Namun demikian setiap aktiviti kami tiada mana-mana cawangan Pelitawanis yang berhampiran ingin bersama-sama menyertainya.

Dilaporkan Oleh:

Puan Hapsah Hassan
Naib Pengerusi

CAWANGAN PORT DICKSON

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

1. Pengerusi : Puan Saemah HJ. Shahir
Naib Pengerusi : Puan Catherine Phang
Setiausaha : Puan Siti Fatimah Ismail
Pen. Setiausaha : Puan Awa Daud
Bendahari : Puan Zaleha Yunos (hingga bulan
Oktober 1987)
: Puan Beh Ean Soh (daripada 22.1.88)
AJK. Perumahan Pegawai
Kanan : Puan Balasingam
Puan Rodiah Ismail
Taman Raja Zainal : Puan Asbah
Puan Norizan
Puan Patricia Sen
Puan Rokiah Khamis
Puan Mary
Taman Abu Zarim : Puan Noraziah
Emergency Qrs. : Puan Norhaliza
Kawasan Luar : Puan Raja Bat Fatimah

1. KEGIATAN

- Februari '87 - Demonstrasi membuat kek Jantung oleh Puan Ghanimah dan Peraduan memasak untuk memilih wakil cawangan ke Peringkat Kebangsaan. Puan Asibah telah mewakili cawangan Port Dickson.
- April '87 - Demonstrasi membuat bun/roti dengan memerap dough dalam peti sejuk supaya kembang dan lepas itu baru digoreng oleh Puan Balasangam.
- June '87 - Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri.
- Ogos '87 - Demonstrasi membuat Kek Coklat dengan menggunakan cuka oleh Puan Zaleha Yunus.
- September '87 - Mengadakan jualan makanan dan minuman sempena Hari Terbuka LLN. Lawatan ke Cameron Highlands 2 hari satu malam (ahli dan anak-anak). Beramah mesra dengan ahli Pelitawanis Bintang dan melawat tempat-tempat yang indah.
- Oktober '87 - Menyambut rombongan Pelitawanis Kelang dan mengadakan perlawanan persahabatan Bola Jaring.
Perlawanan persahabatan Bola Jaring dengan kakitangan MARA.

2. **MINI PASAR RIA**

Semua AJK. dan sebahagian ahli-ahli biasa sahaja telah memberi kerjasama untuk menjayakan Mini Pasar Ria yang telah diadakan pada 1.9.87 di Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar.

3. **SUKAN BADMINTON**

Latihan ada dijalankan di Dewan Sekolah Tinggi Port Dickson. Perlawanan peringkat Negeri tidak dapat diadakan oleh kerana kali ini pemain Pelitawanis Cawangan Port Dickson dikehendaki pergi ke Muar untuk bertemu dengan Pelitawanis di sana. Dukacita beberapa pemain yang terlibat tidak dapat menghadiri diri oleh sebab masalah keluarga. Pelitawanis Cawangan Port Dickson memberi "walk-over" kepada Muar.

4. **BOLA JARING**

Cawangan ini telah menubuhkan pasukan bola jaring bawah kelolaan Puan Raja Bat Fatimah. Beberapa latihan telah diadakan pada tiap-tiap minggu.

5. **MESYUARAT AGONG KEBANGSAAN**

Pelitawanis Cawangan Port Dickson diwakili oleh Puan Saemah Hj. Shahir, Pengerusi, Puan Siti Fatimah Ismail. Setiausaha dan Puan Patricia Sen AJK. Di Majlis Makan Malam diadakan di Bangunan Serbaguna Kelab Kilat wakil Pelitawanis Cawangan Port Dickson memberi satu persembahan nyanyian. Puan Asbah telah mewakili cawangan dengan masakan 'agar-agar cempedak'.

6. **PERPUSTAKAAN**

Perpustakaan dibuka pada tiap-tiap hari Jumaat jam 2.30 petang hingga 4 petang. Ahli-ahli bertugas (mengikut giliran).

1. Puan Saemah Hj. Shahir
2. Puan Catherine Phang
3. Puan Balasangam
4. Puan Mary

7. **KELAS TADIKA**

Kelas Tadika bawah kelolaan guru KEMAS masih diteruskan.

Dilaporkan Oleh:

Siti Fatimah Ismail
Setiausaha

CAWANGAN KUANTAN

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

1. Pengerusi : Puan Zainah bt. Mohd. Ghazali
Naib Pengerusi : Puan Siti Mariam bt. Chat
Setiausaha : Cik Rohani bt. Mohd. Salleh
Pen. Setiausaha : Puan Samsiah bt. Md. Noor
Bendahari : Puan Rohimah bt. Muda
Setiausaha Sukan : Puan Asibah bt. Abas
Ahli-Ahli Jawatankuasa : Puan Siti Esah bt. Hj. Mat Saat
Puan Rosnati bt. Mat Musa
Puan Aziah bt. Omar
Puan Norma bt. Ramli
Puan Abidah bt. Talib
Puan Jumiyah bt. Md. Isa
Puan Noraini bt. Mohamed
Cik Zainurazila bt. Abu Samah

Juru Audit : Puan Rozita bt. Ariffin
Puan Marziah bt. Awang

LAPURAN TAHUNAN 1987 BERAKHIR PADA 31.12.1987

1. KEAHLIAN

Setakat yang dilaporkan ahli Pelitawanis Cawangan Kuantan adalah seramai 51 orang.

2. MESYUARAT AGONG PELITAWANIS KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1987

Mesyuarat Agong Pelitawanis Kebangsaan Tahunan 12 diadakan pada 12 Aprill987 di Kuala Lumpur. Cawangan Kuantan telah diwakili oleh Puan Siti Maryam bt. Chat dan Cik Rohani bt. Mohd. Salleh.

Pertandingan Memasak diwakili oleh Puan Abidah bt. Talib masakan Puding Tapai Gula Hangus.

3. KEMPEN ANTI DADAH

Bersempena dengan Kempen Anti Dadah Pihak Pelitawanis menganjurkan pertandingan Gubahan Bunga Kering, Jahitan Crochet dan anyaman ketupat.

4. JAMUAN SUKAN KAWASAN TIMUR

Mengambil tender bagi jamuan Sukan LLN. Kawasan Timur yang diadakan pada 11 dan 12 Julai 1987.

5. BARANG-BARANG AMWAY

Pertunjukan barang-barang Amway diadakan pada 23.11.87.

6. **BOLA JARING**

Perlawanan persahabatan Bola Jaring telah diadakan dengan beberapa jabatan seperti berikut:-

- 5.7.87 - Klang
- 10.9.87 - Ibu Pejabat Mara
- 7.9.87 - Politeknik Sultan Ahmad Shah
- 15.9.87 - Majlis Bandaran Kuantan (Perancang)
- 22.9.87 - TUDM (Kuantan)
- 24.9.87 - Setiausaha Kerajaan
- 1.10.87 - Hospital
- 9.10.87 - I.T.M.
- 10.10.87 - FELDA Jerantut

Dilaporkan Oleh:

Rohani bt. Mohd. Salleh
Setiausaha

CAWANGAN KUALA TERENGGANU

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 1987

Pengerusi	:	Puan Zaimah bt. Endut
Naib Pengerusi	:	Puan Noraini Sheikh Muhamad
Setiausaha	:	Puan Noriyah bt. Zakaria
Bendahari	:	Puan Hapsah bt. Ngah
Ahli Jawatankuasa	:	Puan Hawiyah bt. Ibrahim
	:	Puan Hajjah Shamsiah bt. Muhamad
	:	Puan Gayah bt. Ismail
	:	Puan Ramlah bt. Awang
	:	Puan Naesah bt. Long Ismail
	:	Puan Naimah bt. Abdul Rahman
	:	Puan Ramlah bt. Lebar
	:	Y.M.Tengku Zubaidah bt. Othman
	:	Cik Fatimah bt. Muda

1. AKTIVITI

i) Malam Kelab Kilat

Pada malam tersebut Pelitawanis telah mendapat kontrek menyediakan sate untuk 300 orang ahli iaitu pada malam 30 Ogos 1987.

ii) Pelitawanis juga telah mengambil bahagian dengan menyampaikan sebuah lagu secara berkumpulan.

2. HARI KELUARGA KILAT

Pada 31 Ogos 1987 Kelab Kilat telah mengadakan Hari Keluarga Kilat di Telok Ketapang dan sekali lagi Pelitawanis telah mendapat kontrek menyediakan makanan pagi dan tengahari bagi seramai 300 orang ahli.

3. KELAS MASAKAN

Kelas masakan masih diteruskan lagi walaupun kurang mendapat sambutan dari ahli-ahli.

4. KONTRAK MENCUTI TALIPON

Kontrek mencuci talipon masih diteruskan dan ini merupakan satu-satunya sumber tetap tabung kewangan Pelitawanis.

Mesyuarat Agung bagi 1988/89 akan diadakan pada 10 Mac 1988.

Dilaporkan Oleh:

Noriyah bt. Zakaria
Setiausaha

CAWANGAN STESEN JANA ELEKTRIK PAKA, TERENGGANU

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TAHUN 1987

Pelitawanis cawangan Stesen Jaaelektrik Paka telah dirasmikan pada 27.9.1987 oleh Yang Berbahagia Datin Suriyah.

Berikut ialah senarai Ahli Jawatankuasa setakat ini.

Pengerusi	:	Puan Aminah
Naib Pengerusi	:	Puan Wong Chok Vai
Setiausaha	:	Puan Kamaliah Abdul Kadir
Pen. Setiausaha	:	Puan Hajar Osman
Bendahari Kehormat	:	Puan Hamitha
Ahli-Ahli Jawatankuasa	:	Puan Zauariah
	"	Wan Rosnani
	"	Normah Said
	"	Che Hasnah
	"	Faridah
	"	Saadiah Said
	"	Zainap Zakaria
	"	Rajambal Kesawan
	"	Rahmah Dan
	"	Nan Zarah

Pengelola Sukan : Cik Samra'/Cik Hamidah

Puan Aminah telah menggantikan Pengerusi Pelitawanis yang terdahulu iaitu Puan Siti Normi bt. Bahauddin mulai bulan Februari 1988.

Aktiviti-aktiviti persatuan bolehlah diringkaskan seperti berikut:-

1. KELAS UGAMA

Kelas-Kelas ugama ini diadakan 2 minggu sekali di Balai Islam.

2. KELAS KEMAS

Guru dari KEMAS telah mengadakan berbagai-bagai demonstrasi iaitu membuat kraftangan & makanan. Kelas ini juga diadakan 2 minggu sekali diselang seli dengan Kelas Ugama.

3. PROJEK KEWANGAN (FUND RAISING)

Pada hari terbuka LLN (1.9.87) Pelitawanis telah diberikan gerai menyediakan bermacam-macam juadah seperti Nasi Ayam, Tosei, Capati, Burger, kueh mueh dan lain-lain lagi. Jumble Sale & jualan kraftangan ahli-ahli juga dipasarkan. Persatuan telah berjaya mengumpul wang sebanyak lebih kurang \$300.00.

4. **SUKAN**

Latihan-latihan bola jaring diadakan 2 kali seminggu iaitu pada hari Sabtu dan Selasa di padang RE. Latihan-latihan badminton juga diadakan. Namun begitu ianya tidaklah sekerap yang diharapkan. Ini ialah kerana bayaran sewa gelanggang badminton yang agak mahal dan terhad.

5. **PERTANDINGAN MEMASAK & PAMIRAN KERJATANGAN**

Sempena Perasmian Pelitawanis, satu pertandingan memasak lauk-pauk telah diadakan. Datin Suriyah serta rombongannya telah bermurah hati untuk mengadili peraduan tersebut. Pemenang-pemenangnya ialah:-

Hadiah Pertama	-	Puan Hajar Osman
Hadiah Kedua	-	Puan Rahmah Dan
Hadiah Ketiga	-	Puan Rajambal Kesawan

Pamiran kerjatangan yang beranika jenis telah menarik perhatian tetamu-tetamu yang hadir.

6. **CERAMAH MENGENAI PERTOLONGAN CEMAS**

Satu ceramah mengenai pertolongan cemas telah diadakan di Rumah Kelab. Cik Hamidah & Puan Normah telah memberikan ceramah tersebut.

Sambutan yang diberikan adalah memuaskan.

Dilaporkan Oleh;

Kamaliah bt. Abdul Kadir
Setiausaha

PELITAWANIS
PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA

KUNCI KIRA KIRA PADA 31 DISEMBER 1987

1986					
\$		\$	\$	\$	\$
	<u>Harta Tetap</u>				
8096	Perabot	8096			
(4102)	Tolak Susutan 10%	(4501)	3,595		
2408	Barang Dapur	3578			
(1224)	Tolak Susutan	(1459)	2,119		
3647	Alat-Alat	3647			
(1903)	Tolak Susutan	(2077)	1,570		
	<u>Pelaburan</u>				
70,000	Wang Simpanan Tetap	70,000		77,284	
	<u>Harta Semasa</u>				
62	Tunggakan Pendapatan	36			
12,236	Tunai di Bank	78,744			
			78,780		
	<u>Tolak</u>				
-	Pelbagai Sipiutang	1,124	77,656		
					154,940
					=====
	<u>Dibiayai Oleh</u>				
92,946	Tabung Terkumpul	89,220			
(3,726)	(Kelebihan/Kekurangan)	65,720			
					154,940
					=====

Kami telah memeriksa Imbangan Pelitawanis dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkembar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 1987 dan telah memperolehi segala baucer, rekod dan penerangan yang diperlukan. Kami berpendapat Lembaran Imbangan dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkembar telah disediakan bagi gambaran yang sebenar dan menasabah mengenai keadaan kewangan Pelitawanis setakat 31 Disember 1987.

.....
(MARY ADAIKKALASAMY)
Internal Auditor

.....
(FAEZAH AHMAD)
Internal Auditor

Tarikh: ... 5/4/88

PELITAWANIS
PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1987

<u>1986</u>	<u>Penerimaan</u>	\$	\$	1987
\$				\$
3257	Balance as at 1.1.1987			12,236
4198	Yuran Ahli	4,750		
9970	Yuran Tadika	8,935		
13,708	Yuran Nursery	34,710		
6187	Faedah Bank	4,550		
10,000	Wang Simpanan Tetap	-		
2095	Fund Raising	881		
78	Jualan T.Shirt	172		
-	Pelbagai Derma	5,500		
10,000	Grant (LLN)	77,000		
-	Buku resepi	254		
-	Pelbagai Pendapatan	<u>207</u>	136,959	
<u>56,236</u>				
	<u>Pembayaran</u>			
2943	Mesyuarat Agong Tahunan	10,684		
234	Alat Tulis/Setem	78		
200	Derma	-		
2532	J/Kuasa Tadika	1,800		
882	J/Kuasa Perpustakaan	1,144		
761	J/Kuasa Sosial/Kebajikan	1,130		
461	J/Kuasa Sukan	-		
9405	J/Kuasa Nursery	7,526		
1500	Bantuan kepada Cawangan	1,200		
25,177	Gaji & KWSP	44,026		
1416	Kelas Lukisan	600		
1578	Pelbagai Perbelanjaan	1,078		
9	Komisyen Bank	15		
159	Buku-Buku Resepi	-		
-	Barang Dapur	<u>1,170</u>		
<u>47,257</u>			(70,451)	
8979	(Deficit)/Surplus for			
====	the year			66,508
	Balance c/f			\$ 78,744
				=====

PELITAWANIS
PERSATUAN WANITA LEMBAGA LETRIK NEGARA

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1987

1986	<u>Pendapatan</u>		1987
\$		\$	\$
4198	Yuran Ahli	4,750	
9970	Yuran Tadika	8,935	
13,708	Yuran Nursery	34,710	
-	Pelbagai Derma	5,500	
-	Pelbagai Pendapatan	207	
78	Jualan T.Shirt	172	
4252	Faedah Bank	4,524	
2095	Fund Raising	881	
10,000	Grant- LLN	77,000	
-	Jualan Buku Resepi	254	
<u>44,301</u>			136,933
	 <u>Perbelanjaan</u>		
2943	Mesyuarat Agong Tahunan	10,684	
234	Alat Tulis/Setem	78	
-		-	
2532	J/Kuasa Tadika	1,800	
882	J/Kuasa Perpustakaan	1,144	
761	J/Kuasa Sosial/Kebajikan	1,130	
461	J/Kuasa Sukan	-	
9405	J/Kuasa Nursery	7,526	
200	Derma	-	
1500	Bantuan kepada Cawangan	1,200	
25,177	Gaji & KWSP	45,150	
1416	Kelas Lukisan	600	
1578	Pelbagai Perbelanjaan	1,078	
9	Komisyen Bank	15	
770	Harta Susustan	808	
159	Buku-Buku Resepi	-	
<u>48,027</u>			71,213
(3,726)	Kelebihan/(kekurangan)		65,720 =====

USUL-USUL YANG HARUS DIKETENGAHKAN

1) S.J. JAMBATAN CONNAUGHT

Setelah setahun Pelitawanis SJJC dilancarkan tiada satu surat, satu risalah atau pamphlet dari Pelitawanis Kebangsaan samada untuk memimpin kami cara berpersatuan, cara mengelolakan ahli-ahli yang dipanggil Pelitawanis dan nampaknya untuk tujuan pentadbiran Selangor dan Wilayah Persekutuan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan tidak wujud.

Mencadangkan Jawatankuasa Kebangsaan menguruskan projek (yang nampaknya belum pernah ada kecuali aktiviti tahunan sahaja seperti pertandingan memasak dan badminton). Projek merapatkan silatullah diantara semua ahli Pelitawanis mengikut peringkat dengan mengadakan hari pameran atau seperti ceramah, dialog, pertandingan yang positif diantara cawangan khususnya supaya AJK Cawangan berkenalan dengan AJK Kebangsaan, Ahli Cawangan berhubungan rapat dengan ahli-ahli di KL khasnya dan cawangan lain.

Mempelbagaikan aktiviti melalui dorongan dari Jawatankuasa Kebangsaan. Perhubungan jawatankuasa cawangan hanya terikat setahun sekali apabila dipanggil untuk Mesyuarat Agong Tahunan Kebangsaan.

Kami AJK cawangan hanyalah cawangan dari Pelitawanis Kebangsaan. Pelitawanis Kebangsaan tiada aktiviti yang boleh dibanggakan setakat ini. Banyak lagi cawangan ditubuhkan banyak lagilah kunci-kunci masalah yang sepatutnya Jawatankuasa Kebangsaan harus teliti. Pelitawanis memang berkembang dengan ada banyak cawangan tetapi disebalik itu tidak ada kejayaan langsung.

2) S.J. PASIR GUDANG

Kami berharap puan dapat menyediakan tempat tinggal untuk ahli-ahli yang datang dari 'Out-Station' yang datang ke Kuala Lumpur untuk mesyuarat kelak, kerana tempat tinggal 'lodging' merupakan satu masalah yang besar kerana bukan semua orang ada saudara mara di Kuala Lumpur. Harap puan dapat menyediakan di mesyuarat Agong yang akan datang untuk kebaikan kita bersama.

3) MUAR

Seorang Ahli Jawatankuasa dari Muar Cik Tay Chew Eng mengemukakan satu usul kepada Pelitawanis Kuala Lumpur iaitu beliau mencadangkan supaya Pertandingan Badminton diadakan secara terbuka, dimana penentuan setiap pasukan yang mengambil bahagian hendaklah diadakan secara pengundian supaya setipan pasukan berpeluang untuk bertemu dengan pasukan dari kawasan lain.

4) **KELANG**

Keahlian dibuka kepada anak-anak ahli yang berumur lebih dari 17 tahun dengan tujuan untuk

- i) Menambahkan ahli-ahli cawangan.
- ii) Memperluaskan aktiviti Pelitawanis dalam bidang sukan, disebabkan kebanyakan ahli yang berumur tidak mahu aktif dalam bidang sukan.
- iii) Dalam mana-mana aktiviti sekiranya ahli-ahli tidak dapat hadir, anak ahli dapat menggantikan tempat mereka.

5) **KUANTAN**

- i) Mesyuarat Agong Pelitawanis diadakan di ILSAS kerana disana terdapat segala kemudahan.
- ii) Peratusan pembangunan yuran ahli dapat diberi kepada cawangan dengan keadaan yang lebih tinggi.

